

LAPORAN TAHUNAN | 2010



• BEBAS

• TELUS

• PROFESIONAL

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



BEBAS

Suruhanjaya ini bebas dan tidak dipengaruhi dalam membuat keputusan. Di samping itu, perjalanan tugas hariannya tidak dirujuk kepada mana-mana pihak.

TELUS

Perjalanan aktiviti-aktiviti SPRM dipantau dan dinasihatı oleh lima badan khas yang bebas, disusuli dengan pembentangan laporan aktiviti SPRM di Parlimen.

PROFESIONAL

Pegawai Suruhanjaya bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja jabatan dengan dibekalkan ilmu dan kemahiran yang secukupnya supaya dapat melaksanakan tugas dengan kompeten, kreatif, inovatif dan efektif.

Bebas Telus Profesional

Diterbitkan Oleh:

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
Blok D6, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Peti Surat 6000
62007 Putrajaya
Malaysia

Hakcipta © Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2011

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa-apa cara (elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain) sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



LAPORAN TAHUNAN 2010

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM	2
MEKANISME CHECK AND BALANCE	11
MAKLUMAT KORPORAT	19
• Carta Organisasi	20
• Pengurusan Tertinggi	21
• Pengarah-pengarah Bahagian	22
• Visi, Misi, Objektif dan Piagam Pelanggan	23
• Kod Etika dan Strategi	24
• Fungsi	25
• Aspirasi 2010	26
PENGUATKUASAAN	27
• Operasi	28
• Statistik Operasi	45
• Perundungan dan Pendakwaan	51
PENCEGAHAN	59
• Pemeriksaan dan Perundingan	60
• Pemantapan Keutuhan Pengurusan	77
• NKRA – Perangi Rasuah	83
PENDIDIKAN MASYARAKAT	89
• Pendidikan Masyarakat	90
• Unit Komunikasi Korporat	101
DIMENSI ANTARABANGSA	111
PROFESIONALISME	121
• Akauntabiliti dan Profesionalisme	122
• Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia	127
PENGURUSAN DAN KEWANGAN	137
LAMPIRAN	141
• Lampiran 1	142
• Lampiran 2	144
• Lampiran 3	150
• Lampiran 4	151
• Lampiran 5	153
• Lampiran 6	155



DATO' SRI HJ. ABU KASSIM BIN MOHAMED
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

“ RASUAH MEMBABITKAN PERSOALAN INTEGRITI
INDIVIDU DAN PELANGGARAN UNDANG-UNDANG.
SEWAJARNYA YANG PERLU DIPERANGI ADALAH
PERBUATAN JENAYAH YANG TELAH DILAKUKAN,
”
BUKANNYA PIHAK YANG MEMERANGI RASUAH ” .

Perutusan

KETUA PESURUHJAYA SPRM



Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera.

Pembinaan bangsa yang bermaruah dan berintegriti tinggi bukan satu tugas yang mudah. Pembinaan tersebut turut menuntut penggembangan usaha bersepadu seluruh warga Malaysia dalam membanteras jenayah rasuah. Penglibatan segenap lapisan masyarakat dalam usaha murni ini akan dapat membantu menangkis sebarang persepsi negatif yang wujud seterusnya akan melonjakkan lagi martabat negara di persada antarabangsa.

Tanggungjawab memerangi rasuah tidak wajar dibebankan sepenuhnya ke atas SPRM seolah-olah jenayah tersebut adalah tugas mutlak untuk SPRM membanterasnya. Memeranginya adalah tanggungjawab semua pihak dan tanggungjawab ini tidak terbatas kepada sesuatu agama, kaum, budaya, kumpulan umur atau kelompok tertentu sahaja. Tanggapan bahawa tanggungjawab membanteras rasuah adalah tanggungjawab SPRM sahaja akan menyukarkan usaha ini dilaksanakan dengan berkesan.

Rasuah diperangi bukan kerana "siapa" pelakunya. Rasuah diperangi tanpa mengira ia dilakukan oleh "orang kecil" atau oleh "orang besar". Sebaliknya rasuah diperangi kerana "kesan" dari perbuatan tersebut. Ia adalah jenayah yang perlu ditentang dengan segala keupayaan dan kekuasaan yang ada kerana natijah dari perbuatan tersebut akan turut ditanggung oleh generasi yang akan datang.

Rasuah membabitkan persoalan integriti individu dan pelanggaran undang-undang. Sewajarnya yang perlu diperangi adalah perbuatan jenayah yang telah dilakukan, bukannya pihak yang memerangi rasuah. Ini merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi oleh SPRM ketika mana persepsi yang wujud tidak banyak memihak kepada SPRM. Untuk itu, bagi tahun 2010, SPRM telah melancar *tagline* baru iaitu "Bersama Lakukan Perubahan Perangi RASUAH" bagi mengajak seluruh lapisan masyarakat untuk bersama-sama memerangi "musuh" yang sebenarnya.

KEBEBAAN, KETELUSAN DAN PROFESIONALISME

Cabaran terbesar SPRM pada tahun 2010 adalah untuk meyakinkan seluruh lapisan masyarakat ke atas kebebasan, ketelusan dan profesionalisme Suruhanjaya ini dalam usahanya untuk memerangi rasuah. Ini adalah selaras dengan Aspirasi SPRM 2010 iaitu "Meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berdasarkan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme". Namun hakikatnya, aspirasi ini bukanlah suatu yang mudah untuk dicapai. Ini disebabkan SPRM masih dibelenggu oleh imej negatif yang dikaitkan dengan Badan Pencegah Rasuah, salah tanggapan berhubung bidang kuasa perundangannya, prasangka dan prejudis berikutan inkues yang belum selesai serta persepsi buruk yang wujud berikutan kenyataan tanpa fakta yang jelas oleh pihak yang mempunyai agenda tersendiri.

Aspirasi ini memerlukan perancangan yang rapi, inisiatif-inisiatif khusus dan tindakan-tindakan yang boleh mencerminkan prinsip-prinsip tersebut serta langkah-langkah pencegahan yang efektif agar ia dapat direalisasikan sepenuhnya. Di samping meningkatkan keyakinan masyarakat terhadapnya, tugas berat yang menanti seluruh warga SPRM adalah untuk memastikan SPRM bukan sahaja dilihat kewujudannya, bahkan yang lebih penting lagi kewujudan tersebut dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat melalui strategi serampang tiga mata iaitu pengesanan dan siasatan, pengawasan dan khidmat rundingan serta komunikasi dan pendidikan.

Penubuhan SPRM turut melibatkan pembentukan mekanisme-mekanisme tanggungjawab yang diwujudkan oleh undang-undang dan secara pentadbiran. Lima entiti pemantau iaitu Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Jawatankuasa Aduan (JA), Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) bertanggungjawab untuk memastikan SPRM dapat melaksanakan tugasnya secara bebas, telus dan profesional melalui penglibatan khusus masyarakat sivil. Pembentukannya juga merupakan satu mekanisme *check and balance* (pengimbang) dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan, negara dan aspirasi masyarakat.

SPRM amat menghargai peranan yang telah dilaksanakan oleh mekanisme-mekanisme tanggungjawab yang diwujudkan untuk memantau perjalanan tugas oleh SPRM agar selari dengan bidang kuasa perundangan dan pentadbiran yang ditetapkan. Pandangan dan saranan konstruktif yang diberikan oleh Ahli Lembaga / Jawatankuasa / Panel memberikan kekuatan dan sokongan moral kepada SPRM untuk menghadapi sebarang cabaran bagi mencapai aspirasi yang telah ditetapkan.

Sejarah telah terlakar pada 28 April 2010 apabila buat julung-julung kalinya SPRM telah mengemukakan laporan tahunannya kepada JKMR yang terdiri daripada kalangan Ahli-ahli Parlimen yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Selaras dengan peruntukan undang-undang, SPRM juga berhadapan secara bersemuka dengan Jawatankuasa berkenaan bagi menjelaskan isu-isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli JKMR. Ini diikuti pula dengan pembentangan Laporan Tahunan tersebut di Parlimen oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Julai 2010. Pembentangan Laporan Tahunan dan sesi penjelasan kepada JKMR ini membuktikan kebebasan Suruhanjaya ini dalam melaksanakan mandat yang diberikan.

PENGUATKUASAAN DAN OPERASI SPRM

Sepanjang tahun 2010, sejumlah 1,220 Kertas Siasatan (21.6%) telah dibuka daripada 5,646 maklumat berunsur rasuah yang diterima. Peratusan ini merupakan peningkatan 29.9% berbanding peratusan pembukaan Kertas Siasatan pada tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, 900 Kertas Siasatan (73.8%) dapat disiapkan dalam tahun semasa berbanding 67.4% bagi tahun 2009. Di samping pertambahan dalam bilangan Kertas Siasatan yang disiapkan, peningkatan 6.4% penyiapan Kertas Siasatan merupakan satu perkembangan positif yang menggambarkan kecekapan SPRM dalam menyelesaikan siasatan yang dijalankan.

SPRM menyedari harapan masyarakat agar tindakan segera diambil ke atas kes-kes yang dikategorikan sebagai kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam. SPRM juga turut mengambil kira cadangan yang telah digariskan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana kes rasuah berskala besar perlu diberi tumpuan khusus bagi meningkatkan keyakinan masyarakat ke atas SPRM. Untuk itu, pada tahun 2010, SPRM telah menujuhkan Bahagian Operasi Khas (BOK) yang diwujudkan khusus bagi menangani kes-kes sedemikian. Bahagian ini dianggotai oleh Pegawai SPRM dan pegawai dari luar SPRM yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang khusus. Pendekatan baru SPRM ini telah membawa hasil di mana beberapa kes profil tinggi yang melibatkan Sime Darby Bhd telah dapat dibawa dengan pantas ke Mahkamah dan kebanyakan penyiasatan kes tersebut mengambil masa kurang dari 3 bulan untuk diselesaikan.

“
SEJUMLAH 944 TANGKAPAN TELAH DIBUAT
OLEH SPRM DAN BILANGANINI MERUPAKAN
TANGKAPAN YANG TERTINGGI PERNAH DIBUAT
DALAM SEJARAH PENCEGAHAN RASUAH
”
DI NEGARA INI .

Sepanjang tahun 2010, SPRM turut memberi tumpuan ke atas kes-kes rasuah bersindiket seperti kes perlombongan haram dan penyeludupan pasir, penebangan dan pembalakan haram, kebocoran pintu masuk negara serta penyelewengan subsidi minyak diesel. Kes-kes yang disiasat itu bukan sahaja melibatkan kehilangan ratusan juta ringgit dari segi kutipan hasil dan royalti bahkan turut memusnahkan alam sekitar yang tidak dapat diganti serta mengancam keselamatan negara yang tidak dapat ditaksir natijahnya.

Sepanjang tahun 2010, sejumlah 944 tangkapan telah dibuat oleh SPRM dan bilangan ini merupakan tangkapan yang tertinggi pernah dibuat dalam sejarah pencegahan rasuah di negara ini. Bilangan tangkapan tersebut merupakan peningkatan 444 tangkapan atau 88.8% berbanding 500 tangkapan yang dibuat oleh SPRM pada tahun 2009. Sejumlah 293 tangkapan (31.0%) tersebut melibatkan penjawat awam, 102 tangkapan (10.8%) melibatkan kakitangan sektor swasta, 545 tangkapan (57.8%) melibatkan orang awam dan empat tangkapan (0.4%) lagi adalah dari kalangan ahli parti politik. Peningkatan tangkapan yang amat ketara dari kalangan orang awam ini boleh dikaitkan dengan kempen ‘Hindar Menerima: Perangi Pemberi Rasuah’ yang telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 26 April 2010 di mana kempen ini sahaja telah menyumbang 414 tangkapan (43.8%) dari keseluruhan tangkapan yang telah dibuat oleh SPRM sepanjang tahun 2010.

Seramai 381 orang telah dituduh di Mahkamah sepanjang tahun 2010 dan jumlah ini merupakan peningkatan seramai 207 orang (119.0%) berbanding tahun sebelumnya. Kategori mereka yang dituduh ini melibatkan 131 (34.4% orang penjawat awam, 56 orang (14.7%) dari sektor swasta, 193 (50.7%) dari kalangan orang awam dan seorang (0.2%) mantan Menteri Besar. Kadar sabitan kes di peringkat perbicaraan awal juga telah berjaya ditingkatkan dari 64.4% pada tahun 2009 kepada 71.0% pada tahun semasa. Lebih menarik lagi adalah hukuman berat yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah bagi menggambarkan betapa seriusnya kesalahan rasuah tersebut berbanding hukuman ke atas kesalahan yang sama pada tahun sebelumnya.

PENCEGAHAN DAN PENDIDIKAN MASYARAKAT

Dalam usaha untuk memastikan sistem penyampaian Kerajaan bebas daripada gejala rasuah, SPRM turut menjalankan kajian ke atas amalan, sistem dan prosedur yang digunakan oleh pihak-pihak terlibat bagi mengenal pasti ruang dan peluang rasuah berlaku dan bagi mengelakkan kelemahan yang sama dari dilakukan berulang kali. Bagi tahun 2010 sahaja, sejumlah 15 Surat Nasihat dan 16 Khidmat Nasihat telah diberikan kepada pihak-pihak berkaitan bagi menjamin proses kerja dan tadbir urus yang lebih baik. Di samping itu, pemeriksaan dijalankan ke atas kes-kes berkepentingan awam yang melibatkan aspek kelemahan dalam sistem yang berkesudahan dengan beberapa perubahan polisi Kerajaan dibuat. Ini termasuklah kes penyeludupan pasir yang telah mengakibatkan Kerajaan kehilangan hasil bernilai jutaan ringgit setahun.

Bagi memperkuuh integriti agensi kerajaan, cadangan-cadangan yang dibuat oleh SPRM di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKP) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju dengan pelaksanaan program perintis Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Program perintis yang meliputi empat modul ini telah dilaksanakan bermula dari bulan Ogos 2010 di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan merupakan program berstruktur yang pertama seumpamanya pada ketika ini. CeIO yang ditauliahkan ini berperanan untuk memastikan usaha-usaha pemantapan integriti dilaksanakan secara terancang dalam organisasi masing-masing. Pelantikan CeIO di agensi-agensi Kerajaan serta pewujudan Unit Pematuhan melalui inisiatif NKRA akan dapat memastikan pencegahan rasuah yang lebih berkesan dilaksanakan untuk jangka masa panjang.

Selain itu, pelbagai usaha telah dibuat bagi mengembalikan keyakinan masyarakat ke atas SPRM dan tindakan yang dilaksanakan selaras dengan Aspirasi SPRM 2010. Pelbagai strategi perhubungan masyarakat, jalinan usahasama antara agensi dan promosi melalui saluran media telah dirancang dan dijalankan. Penggunaan media bentuk baru seperti blog, Facebook, Youtube, Twitter dan FLICKR turut digunakan sebagai medium untuk mendekati dan menyampaikan maklumat tepat kepada masyarakat. Antara medium yang amat efektif dalam menyalurkan maklumat terkini, tepat dan benar adalah melalui Frenz of MACC (FoMACC) di mana e-mel dan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dihantar kepada *key-communicators* yang dikenal pasti dengan pantas dan melibatkan kos yang begitu minimum. Hasilnya, pada pertengahan dan akhir tahun 2010 bilangan berita negatif ke atas SPRM telah berkurangan.

PEMBINAAN KEUPAYAAN DAN PROFESIONALISME

Pembinaan keupayaan dan profesionalisme amat penting bagi sebuah agensi penguatkuasa undang-undang seperti SPRM dalam mendepani jenayah yang semakin rumit dan merentas sempadan. Dalam hubungan ini, SPRM melalui akademi Pencegahan Rasuahnya telah menandatangani Surat Niat pada 30 Julai 2010 untuk menjadikan MACA sebagai pusat latihan International Anti-Corruption Academy (IACA), Vienna, Austria di rantau Asia Pasifik. Komitmen ini seterusnya telah dizahirkan apabila Malaysia telah menyokong dan menandatangani perjanjian penubuhan IACA sebagai sebuah organisasi antarabangsa pada bulan September 2010. Melalui Surat Niat dan sokongan yang diberikan itu akan membolehkan kepakaran antarabangsa dimanfaatkan oleh MACA melalui kursus-kursus yang akan dianjurkan kelak. Latihan di tahap yang lebih tinggi ini akan meningkatkan kemampuan dan keupayaan pegawai-pegawai SPRM dalam membanteras rasuah.

Sebagai sebuah pusat latihan Pencegahan Rasuah, MACA turut memainkan peranan memperkuuhkan kapasiti dan pengetahuan teknikal pegawai-pegawai daripada agensi Pencegahan Rasuah luar negara. Sepanjang tahun 2010, beberapa kursus telah dilaksanakan dengan kerjasama daripada United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia, United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC), Transparency International, Unit Perancang Ekonomi di bawah Malaysian Technical Co-operation Programme (MTCP) dan kursus-kursus antarabangsa di bawah kendalian MACA sendiri.

INISIATIF DAN PERANAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Di peringkat antarabangsa, SPRM telah memainkan peranan yang aktif dalam pelbagai forum yang diwujudkan seperti South East Asia Parties Against Corruption (SEAPAC), Anti-Corruption and Transparency Task Force di bawah Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), ADB-OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific, International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) dan beberapa pasukan kerja di bawah United Nations Convention Against Corruption (UNCAC). Penglibatan tersebut tidak termasuk beberapa kerjasama bilateral dan multilateral yang telah dijalin dengan beberapa negara bagi tujuan pencegahan, latihan dan operasi.

Pengiktirafan turut diberikan kepada SPRM apabila Ketua Pesuruhjaya dilantik untuk menduduki Lembaga Penasihat Antarabangsa (Akademik) IACA dan Jawatankuasa Eksekutif IAACA. Malaysia juga telah dipilih menjadi hos *15th Steering Group Meeting and 10th Regional Seminar on Criminalisation of Bribery of the ADB-OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific* yang telah diadakan pada bulan September 2010. SPRM juga telah mewakili Malaysia semasa proses pengundian bagi menilai pelaksanaan UNCAC pada bulan Jun 2010 di Vienna, Austria di mana Malaysia, yang telah meratifikasi UNCAC pada 24 September 2008 telah ditetapkan untuk menghadapi proses penilaian tersebut pada tahun 2012.

NKRA - PERANGI RASUAH

NKRA - Perangi Rasuah diletakkan di tangga kedua daripada enam bidang yang telah dikenal pasti dan tanggungjawab menyelaras inisiatif di bawah NKRA - Perangi Rasuah ini telah dipindahkan kepada SPRM mulai tahun 2010. Tiga bidang tumpuan utama telah ditetapkan iaitu menangani rasuah berskala besar, menangani ketirisan dalam perolehan Kerajaan serta meraih semula keyakinan masyarakat terhadap Agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan.

Terdapat sembilan inisiatif atau *big wins* telah dikenal pasti di bawah NKRA - Perangi Rasuah. Inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga tahun 2012. Pada penghujung tahun 2010, sebahagian besar dari inisiatif yang disasarkan seperti mentakrifkan parameter surat-surat sokongan, mewujudkan pangkalan data pesalah rasuah, pendedahan maklumat perolehan di laman web, pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan menguatkuasakan hukuman yang lebih tegas telah berjaya dilaksanakan.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Secara keseluruhannya, jumlah perjawatan yang telah diluluskan kepada SPRM pada tahun 2010 adalah 2,580 jawatan; berkurang seramai 40 jawatan (1.5%) dari tahun sebelumnya berikutan jawatan-jawatan peringkat rendah tersebut telah di *trade-off* bagi menubuhkan BOK. Daripada jumlah tersebut 1,805 jawatan merupakan perjawatan Pegawai Suruhanjaya manakala baki 775 jawatan adalah dari kalangan kakitangan guna sama. Sepanjang tahun 2010, sejumlah 184 jawatan telah diisi melibatkan 141 jawatan (76.6%) Pegawai Suruhanjaya manakala 43 jawatan (23.4%) guna sama telah turut diisi. Bagi memenuhi keperluan operasi semasa, SPRM telah memperoleh kerjasama Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia bagi mendapatkan seramai 24 pegawai baru yang berkemahiran bertutur dan menulis Mandarin dan dialek Cina yang lain dengan lancar. Kerjasama tersebut telah mendapat perhatian pelbagai pihak yang lain di mana pendekatan yang sama telah turut digunakan bagi mendapatkan calon-calon dari kalangan kaum Cina untuk berkhidmat di Perkhidmatan Awam.

“
RASUAH DIPERANGI BUKAN KERANA
SIAPA PELAKUNYA TETAPI YANG LEBIH
PENTING ADALAH KERANA KESAN
BURUKNYA KE ATAS MASYARAKAT ”.

HARAPAN

SPRM yakin akan dapat mempertingkatkan tahap keyakinan dan kerjasama masyarakat dalam tahun-tahun mendatang selaras dengan Aspirasi SPRM yang ditetapkan. Proses transformasi masih lagi berjalan dan akan dipertingkatkan pada tahun 2011. Pencapaian penguatkuasaan dan operasi SPRM adalah lebih baik dari tahun sebelumnya manakala aktiviti pencegahan dan pendidikan masyarakat dilaksanakan secara proaktif dengan mengambil kira impak ke atas nilai wang yang dibelanjakan. SPRM juga akan terus membina keupayaan dan meningkatkan tahap profesionalisme pegawainya agar ia kembali menjadi agensi pembanterasan rasuah yang dihormati dan disegani.

Sebagai Suruhanjaya yang mempunyai tanggungjawab undang-undang membanteras jenayah rasuah, kewajipan tersebut akan dilaksanakan secara bebas, telus dan profesional dengan penuh amanah, tegas dan adil tanpa mengira kedudukan individu yang disiasat mahupun fahaman politik mereka. Rasuah diperangi bukan kerana siapa pelakunya, tetapi yang lebih penting adalah kerana kesan buruknya ke atas masyarakat.

Dalam waktu yang sama SPRM amat memerlukan sokongan semua pihak dan tidak sewajarnya ia bertindak bersendirian dalam usaha ini. Peranan dan bantuan itu perlu dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan kecintaan kepada negara tanpa mengira bangsa, agama, kedudukan atau fahaman politik masing-masing. Ini termasuklah memberikan pandangan-pandangan yang konstruktif ke arah meningkatkan keberkesanan usaha pembanterasan jenayah rasuah dan bukannya dengan membuat tohmahan liar yang bertujuan untuk mencemarkan individu atau pihak tertentu tanpa asas-asas yang kukuh atau disebabkan oleh kepentingan tersendiri.

Bersama Lakukan Perubahan
Perangi RASUAH



(DATO' SRI HJ. ABU KASSIM BIN MOHAMED)
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

MEKANISME CHECK AND BALANCE



Mekanisme Check and Balance

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Jawatankuasa Aduan (JA) dibuat melalui peruntukan undang-undang manakala pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran. Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM.

Mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan Kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.



Penyerahan Laporan Tahunan SPRM 2009 kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR).

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah



Dari kiri :
Dato' Hj. Ismail Bin Hj. Abd Mutualib, Dr. Tan Seng Giaw, Tuan Salahuddin Bin Hj. Ayub,
Dato' Seri Mohd Radzi Bin Sheikh Ahmad (Pengerusi), Senator Dato' Armani Binti Hj. Mahirudin,
Senator Ir. Hj. Zamri Bin Hj. Yusuf dan Dato Hj. Abdul Rahman Bin Dahlan.

Jawatankuasa ini diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai Jawatankuasa Khas ini.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH

- Menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Memeriksa Laporan Tahunan Suruhanjaya;
- Memeriksa ulasan oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta; dan
- Mendapatkan penjelasan dan penerangan daripada Suruhanjaya mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah



Dari kiri bawah :

Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hj. Hamid Bugo, Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin Bin Megat Khas, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon, Tun Abdul Hamid Bin Hj. Mohamad (Pengerusi), Datuk Rashpal Singh A/L Jeswant Singh, Puan Sri Zaitun Zawiyah Binti Puteh dan Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun.

Dari kiri atas :

En. Chevvarajah Ramasamy Reddiar, Tan Sri Dato' Sri Mohamed Jawhar Hassan, Dato' Anwar Fazal, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dan Prof. Tan Sri Dr. Mohd Kamal Bin Hassan.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dari kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota *ex-officio* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(1)(b) Akta tersebut.

TERMA RUJUKAN LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

- Menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya membanteras rasuah;
- Menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- Meneliti dan mengendorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;
- Meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- Mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

Jawatankuasa Aduan



Dari kiri :
En. Ravindran V. Muthu, Datuk Muhammad Mohd Noor,
Datuk Haji Mohd Nor Abdullah (Pengerusi), Datuk Wan Abdul Wahab Abdullah
dan En. Chooi Mun Sou.

Jawatankuasa ini dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA ADUAN

- Meneliti aduan dan menilai tindakan atau hasil siasatan terhadap aduan tersebut serta memberi pandangan tentang keputusan siasatan;
- Menerima dan mengambil maklum keputusan tatatertib dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan; dan
- Membuat semakan terhadap tatacara kerja dan memperakukan penambahbaikan meliputi prosedur kerja dan keperluan logistik.

Panel Penilaian Operasi



Dari kiri :
Prof. Dr. Syed Noh Syed Ahmad, Datin Aminah Pit Abdul Rahman, Dato' Hamzah Kassim,
Tan Sri Datuk Dr. Hadenan Abdul Jalil (Pengerusi), Tan Sri Cecil W. M. Abraham,
Encik Walter A/L Doss Sandosam dan En. Nik Mohd Hasyudeen B. Yusoff.

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri dari kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan oleh Suruhanjaya. PPO adalah mekanisme *check and balance* terhadap kes penyiasatan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakulkan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuashati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.

TERMA RUJUKAN PANEL PENILAIAN OPERASI

- Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkaan Kertas Siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang mana tempoh siasatan melebihi 12 bulan;
- Menerima laporan daripada Suruhanjaya berhubung semua kes di mana Orang Yang Ditangkap yang dilepaskan dengan jaminan oleh Suruhanjaya melebihi 6 bulan;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung keputusan-keputusan Kertas Siasatan yang telah dibuat oleh Pendakwa Raya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang dikemukakan kepada Pendakwa Raya dan tidak mendapat apa-apa keputusan selepas tempoh melebihi 6 bulan ke atas;
- Memberi pendapat berhubung tindakan-tindakan ke atas kes-kes yang diputuskan untuk tidak dituduh;
- Menasihati dan membantu Suruhanjaya ke arah keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakulkan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan PPO kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan perjalanan operasi siasatan oleh Suruhanjaya.

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah



Berdiri dari kiri :

Datuk Dr. David Chua Kok Tee, Dato' Hj. Kamaruddin Hj. Zakaria, Tan Sri Datuk Robert Phang Miow Sin, Profesor Tan Sri Dr. Nordin Kardi, Datuk Seri Azman Ujang dan Datuk Sri Wong Chun Wai.

Duduk dari kiri :

Tuan Hj. Anis Yusof, Dato' Prof. Dr. Ishak Tambi Kechik, Tan Sri Dato' (Dr.) Ramon Navaratnam (Pengerusi), Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong dan Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed.

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) ini diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh Perdana Menteri mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, dewan perniagaan, tokoh agama, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor.

TERMA RUJUKAN PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH

- Meneliti dan memperakarkan kepada Suruhanjaya bidang tumpuan (*priority areas*) amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang mempunyai ruang dan peluang untuk jenayah rasuah berkembang;
- Meneliti dan menambah baik laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta;
- Membentuk dan menggubal amalan terbaik (*best practices*) dalam bidang-bidang tumpuan dari semasa ke semasa;
- Menasihati Suruhanjaya berhubung pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan mereka;
- Meneliti keberkesanan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan memperakarkan cadangan penambahbaikan;

TERMA RUJUKAN PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH
(sambungan)


- Memantau dari semasa ke semasa sikap dan persepsi umum masyarakat terhadap rasuah dan usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Membantu Suruhanjaya sebagai *key communicator* dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakarkan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah oleh Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan pencapaian aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya.



MAKLUMAT KORPORAT



Carta Organisasi SPRM



Pengurusan Tertinggi SPRM



Berdiri dari kiri :
Dato Hj. Zakaria Bin Hj. Jaafar,
Dato' Hjh. Sutinah Binti Sutan dan
Datuk Hj. Mohd Shukri Bin Abdull

Duduk :
Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat SPRM



Dari kiri atas :

Dato' Hj. Abdul Razak Bin Musa, KPKPj YM Raja Khan Bin Raja Ahmad, TPj Dato' Samarajoo A/L Manikam, Pj Hj. Mustafar Bin Ali, TPj Dato' Mohd Jamidan Bin Abdullah, KPKPj Dato' Ahmad Khusairi Bin Yahaya dan TPj Shaharuddin Bin Khalid.

Dari kiri bawah :

PPj Nor Azmi Bin Karim, KPKPj Sharuddin Bin Sapian, TPj Dato' Samsiah Binti Abu Bakar, Hjh. Rohani Binti Kadir, KPKPj Abdul Wahab Bin Abdul Aziz dan KPKPj Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil.

VISI

Mewujudkan masyarakat Malaysia bebas daripada rasuah berlandaskan nilai-nilai kerohanian dan moral yang tinggi.

Menjadikan SPRM agensi pembanterasan rasuah yang profesional dan unggul.

MISI

Menghapuskan jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di Malaysia.

Mengukuhkan integriti dan memantapkan kepakaran melalui program pembangunan sumber manusia secara terancang dan berterusan.

OBJEKTIF

Mebanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

PIAGAM PELANGGAN

- Semua pengaduan berkaitan perlakuan rasuah diterima dan diproses dengan segera.
- Memperolehi dan mengumpul bukti-bukti yang kukuh dan lengkap untuk tindakan punitif.
- Identiti pemberi maklumat dirahsiakan.
- Risikan dan siasatan dibuat secara objektif, teliti dan menyeluruh.
- Memberi khidmat nasihat mengenai pencegahan rasuah secara cekap dan berkesan.
- Pendakwaan dikendalikan secara teliti dan adil.

KOD ETIKA

- Memastikan segala arahan dilaksanakan segera dengan penuh ketaatan dan komitmen selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama serta undang-undang dan peraturan yang digunakan;
- Berusaha meningkatkan lagi kecekapan, profesionalisme dan kecemerlangan diri melalui ilmu pengetahuan dan amalan secara berterusan;
- Bertindak secara amanah, tegas, bijaksana, benar dan telus tanpa mementingkan keuntungan peribadi, atau apa-apa balasan;
- Gigih dan positif menghadapi cabaran, berobjektif dan realistik;
- Mendisiplinkan diri untuk menegakkan amalan baik dan mencegah kemungkaran;
- Bersyukur dan berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti; dan
- Memelihara kerahsiaan maklumat jabatan.

STRATEGI

Berdasarkan Seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, strategi SPRM adalah seperti berikut:-

Penguatkuasaan

- Mengesan kesalahan rasuah
- Menyiasat kesalahan rasuah

Pendidikan Masyarakat

- Mendidik orang ramai menentang rasuah
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah

Pencegahan

- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah

FUNGSI

Seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 memperuntukkan fungsi Pegawai-pejawai Suruhanjaya seperti berikut:-

- a. Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pejawai itu;
- b. Mengesan dan menyiasat:-
 - i. apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini;
 - ii. apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; dan
 - iii. apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- c. Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah;
- d. Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;
- e. Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan-kewajipan badan-badan awam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;
- f. Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan
- g. Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

ASPIRASI 2010

MENINGKATKAN KEYAKINAN
DAN MEMPERBAIKI
PERSEPSI MASYARAKAT MALAYSIA
DAN ANTARABANGSA
KE ATAS KEBERKESANAN SPRM
DALAM PENCEGAHAN RASUAH
BERASASKAN PRINSIP KEBEBASAN,
KETELUSAN DAN PROFESIONALISME.

Aspirasi ini adalah untuk menjadikan SPRM sebagai Suruhanjaya yang profesional serta mempunyai imej yang tinggi dari kaca mata masyarakat dalam dan luar negara dengan cara menguatkuaskan undang-undang, peraturan dan arahan-arahan pentadbiran secara cekap, betul dan berkesan. Di samping itu, SPRM komited memberikan pendidikan dan penerangan mengenai kejijikan jenayah rasuah dan langkah-langkah pencegahannya demi memelihara sokongan masyarakat supaya bersama memerangi jenayah rasuah.

PENGUATKUASAAN



Operasi

Hasil dari pelbagai sumber maklumat dan aduan yang diperoleh, termasuk daripada tindakan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai SPRM sendiri, pelbagai aktiviti siasatan dan operasi dijalankan. Pelaksanaan operasi ini bukan sahaja menghasilkan tangkapan dan pertuduhan terhadap mereka yang terbabit dengan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, tetapi SPRM juga berjaya membongkar penglibatan jenayah yang dilakukan secara bersindiket. Perilaku sindiket ini bukan sahaja didalangi oleh mereka yang terlibat dalam aktiviti jenayah, melanggar undang-undang dan peraturan, tetapi turut melibatkan penjawat awam.

Dengan pendedahan dan terbongkarnya perbuatan jenayah itu juga telah menampakkan wujudnya kelemahan sistem dan prosedur dalam tadbir urus yang dijalankan hingga mengakibatkan ketirisan dan kerugian berlaku.

KEJAYAAN OPERASI PENGUATKUASAAN

• Rasuah, Perlombongan Haram dan Penyeludupan Pasir


AKTIVITI PERLOMBONGAN PASIR YANG SAH DAN TERKAWAL MENJANA PENDAPATAN KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI. WALAU BAGAIMANAPUN, PERLOMBONGAN PASIR TANPA KAWALAN, KECURIAN, PERLOMBONGAN HARAM DAN PENYELUDUPAN PASIR MENGAKIBATKAN KERUGIAN HASIL MALAH KEMUSNAHAN BESAR KEPADA ALAM SEKITAR.



Pihak tidak bertanggungjawab semakin rakus mengorek pasir.

Perlombongan pasir tanpa permit yang sah merupakan kesalahan. Pengorekan dan perbuatan menyedut pasir, termasuk dari dasar sungai dan bekas lombong yang tidak diluluskan juga menjadi satu kesalahan. Pasir juga telah diharamkan dari dieksport ke luar negara. Walau bagaimanapun, dasar dan undang-undang ditolak ke tepi oleh mereka yang rakus lantaran rasuah. Mereka yang sepatutnya menguatkuaskan undang-undang dan peraturan tidak melakukannya kerana berjaya disogok dan sanggup menerima habuan haram, malah menjadi dalang kepada aktiviti haram tersebut.

CARTA 1 : Pecahan Tangkapan Kes Rasuah Pasir



Aduan dan Tangkapan Kes Pasir

Berikut maklumat dan aduan daripada orang ramai, serta tindakan proaktif SPRM sendiri dalam menangani isu pasir, sepanjang tahun 2010 sahaja SPRM telah menerima sebanyak 410 maklumat berkaitan rasuah dan salah guna kuasa dalam pengeluaran bahan batuan pasir. Sebanyak 45 Kertas Siasatan telah dibuka dan menghasilkan sejumlah 43 tangkapan seperti pecahan di Carta 1. Dari jumlah itu, 22 orang telah dituduh di mahkamah atas pelbagai kesalahan rasuah dan penyelewengan isu pasir. Dua kes telah selesai perbicaraan, seorang didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam dan telah dijatuhkan hukuman enam bulan penjara dan denda RM20,000.00. Manakala seorang lagi didapati tidak bersalah dan dibebaskan oleh mahkamah. Walau bagaimanapun rayuan di Mahkamah Tinggi telah dibuat. Bagi yang lain, kes perbicaraan terhadap mereka masih berjalan. Sepanjang 'Ops Pasir', nilai suapan terlibat adalah sebanyak RM321,528.40. Enam orang ditangkap kerana rasuah seks manakala nilai rasuah tertinggi ialah RM88,000.00.

Kerugian Kutipan Hasil Akibat Aktiviti Perlombongan Haram Pasir

Adalah dianggarkan hasil kutipan royalti kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari pengeluaran bahan batuan mencecah jutaan ringgit setahun. Malah nilai ini jauh lebih besar bagi negeri-negeri yang mempunyai banyak sumber bahan batuan. Tetapi apabila wujudnya perlakuanjenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, penyeludupan dan perbuatan mencuri pasir mengakibatkan negara menanggung kerugian yang tinggi.

Pasir diharamkan pengeksportannya, walau bagaimanapun berlaku penyeludupan pasir yang diangkut ke negara jiran baik melalui jalan darat, maupun melalui pengangkutan laut menggunakan tongkang (*barge*).

Jika dibuat perbandingan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan, adalah dianggarkan sebanyak 3,000 lori digunakan mengangkut pasir selama setahun, kerugian boleh mencecah hampir RM600 juta. Manakala, bagi kes penyeludupan pasir ke negara jiran, anggaran kerugian yang ditanggung adalah sekitar RM145 juta setahun. Ini pun hanya mengambil kira pasir yang diangkut menggunakan kapal yang berkapasiti antara 4,000 tan hingga 5,000 tan sebanyak dua kali sehari. Bayangkan berapa banyak lori atau kapal yang digunakan dan kerugian yang ditanggung.



Kegiatan mencuri pasir tanpa menghiraukan keselamatan penduduk sekitar.

Kemusnahan Alam Akibat Aktiviti Perlombongan Haram Pasir

Selain itu, kegiatan mencuri dan perlombongan haram pasir ini juga menyebabkan kerosakan alam sekitar. Pengorekan pasir yang melebihi had yang dibenarkan umpamanya boleh mengubah corak aliran air sungai dan seterusnya mengganggu habitat tumbuhan dan haiwan. Flora dan fauna diancam kepupusan apabila aktiviti mencuri pasir dilakukan dengan rakus tanpa menghiraukan impak kepada hidupan lain. Natijahnya alam semula jadi yang tidak ternilai harganya musnah sekelip mata.



Kegiatan mencuri pasir yang berleluasa akibat segelintir penguatkuasa undang-undang yang mengamalkan rasuah.

Pemberi rasuah bukan sahaja bertindak menyogok penguatkuasa undang-undang, malah turut berani mengancam dan mengugut pihak berkuasa. Lokasi pengorekan pasir haram milik persendirian dipagar dan dikawal oleh TONTO, yang ada antaranya memiliki senjata api. Mereka bukan sahaja mengganggu kerja penguatkuasaan malah berani mengugut dengan mengacukan pistol ke arah pegawai penguatkuasa.

Banteras curi pasir

SPRM 43 individu ditahan, 19 sudah dibicara

SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menahan 43 individu berkaitan kes kecurian dan penyaludupan pasir di beberapa negeri di negara ini.

Pengarah Bahagian Selatan SPRM, Mustafar Ali berkata, antara negeri terbabit adalah Johor, Perak, Pahang dan Selangor.

Menurutnya, daripada jumlah tangkapan itu, 19 individu sudah dibicarkan di mahkamah dan dikenakan tindakan.

"Kami yakin akan ada lagi individu dikenakan tindakan bagi memerangi gejala ini daripada terus berleluasa.

"Kami ada beberapa kes baru yang masih dalam penelitian dan sekiranya ada bukti kukuh, SPRM akan segera mengambil tindakan selanjutnya," katanya kepada media selepas menyaksikan Majlis Serah Tugas Pengarah SPRM Negeri Sembilan di Dewan Sokongan SPRM, di sini, semalam.

Majlis membabitkan Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Hishamuddin Hashim dan Penolong Kannan Pesuruhjaya, Zainul Da-

Selangor sand-mining scandal still under probe

KUALA LUMPUR: The Malaysian Anti Corruption Commission (MACC) will continue investigations into the alleged graft in the Selangor sand-mining scandal against state sand-mining concession Kumpulan Semesta Sdn Bhd, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz said MACC would investigate the all-roughly and not leave unturned during his bulging investigations.

"Once investigation is completed, the involved will be handed

"Ka

us kes kecurian pasir ker

selain menyebabkan k

gian kepada kerajaan n

ia juga memberi kesar

hadap kemasuhan h

er

lions of ringgit worth of sand over the years

genai kegiatan har

glers working hand-in-glove.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) investigations director Mustafar Ali

said sand smuggling activities could be halted if those entrusted with responsibilities con

ducted themselves diligently.

"How difficult is it to keep track of slow-

moving barges carrying 5,000 tonnes of sand

worth RM250,000? And how difficult is it to

use the X-ray machines available at the

Malaysia-Singapore border checkpoints to see

if tonnes of sand are hidden inside lorries?" he

asked.

Mustafar said MACC findings showed that

the Government has been losing revenue

amounting to about RM600mil for every lorry

that makes about 3,000 trips a year, transport-

ing sand to Singapore.

Public Prosecutor Choo Keong (Beba) in a written reply Rakyat here yesterday

Wee had asked whether any action or would be taken a report made by I of Parliament S. M with regard to the mining graft involv

Semesta Sdn Bhd. Mohamed Nazi already taken ac

tic

Minister in the Jabatan Perdana Menteri

Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz ber

kata pihak SPRM perlu menjalankan siasat

an secara teliti, terperinci dan menyeluruh

dalam sesuatu perincian kes rasuah bagi

memudahkan baki-baki dan keterusan

yang menculuri. "Kertas siasatan akan di

dikirim kepada Timbalan Pendakwa

daerah setelah selesai," katanya da

kepada soalan Wee

SPRM terus siasat

Dakwaan rasuah perlombongan pasir di Selangor

Choo Keong (Bebas-Wangsa Maju) pada per

sidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Wee ingat tahu apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh SPRM ke atas laporan Ahli Parlimen Kapar, S Manikvasagan berhubung skandal pe

lombongan pasir yang melibatkan syarikat

berkenaan.

Mohamed Nazri beritahu SPRM sebelum

ini telah mengambil tindakan tehadap si

diketahui pelaku secara harum melintang

beberapa buah negeri, termasuk Selangor.

"Setakat ini seramai 42 orang telah pun

ditangkap dan 22 pertuduhan dibuat di

mahkamah," katanya. - Bernama

Sand thieves get inside help

MACC: They work with corrupt officials

PETALING JAYA: The country has lost billions of ringgit worth of sand over the years

with sand thieves, greedy contractors, corrupt officials, unethical politicians and daring smug-

glers working hand-in-glove.

Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) investigations director Mustafar Ali

said sand smuggling activities could be halted if those entrusted with responsibilities con-

ducted themselves diligently.

"How difficult is it to keep track of slow-

moving barges carrying 5,000 tonnes of sand

worth RM250,000? And how difficult is it to

use the X-ray machines available at the

Malaysia-Singapore border checkpoints to see

if tonnes of sand are hidden inside lorries?" he

asked.

Mustafar said MACC findings showed that

the Government has been losing revenue

amounting to about RM600mil for every lorry

that makes about 3,000 trips a year, transport-

ing sand to Singapore.

smuggling investigations, adding that illegal sand mining was rampant in Selangor, Johor, Perak and Pahang.

"We found that the enforcement officers took bribes ranging from RM500 to RM88,000. Six of the enforcement officers admitted that they were also bribed with sexual favours," he said.

In January, two Customs officers and a Land and Mines officer were charged with accepting bribes in July 2009 as inducement not to take action against four lorries found to have smuggled sand to Singapore.

Keratan Akbar
Kes Kecurian
dan Penyaludupan Pasir.

• Rasuah dan Pembalakan Haram

“ILLEGAL LOGGING RELIES ON CORRUPTION TO STAY IN BUSINESS. IT DEPENDS ON THE COMPLICITY OF OFFICIALS THROUGHOUT THE ENTIRE PRODUCTION CHAIN FROM FOREST RANGERS, LOCAL GOVERNMENT, TRANSPORT AUTHORITIES, POLICE AND CUSTOMS... A FOREST DESTROYED TAKES FOUR DECADES TO REPLENISH, AND A SPECIES ONCE EXTINCT, IS LOST FOREVER”.

Illegal Logging in Indonesia : The Link between Forest Crime and Corruption UNODC, 1st June 2010



Jentera berat digunakan untuk memindahkan balak.

Isu rasuah dalam sektor pembalakan bukanlah satu perkara yang baru. Pendedahan demi pendedahan yang dilakukan oleh media massa menyebabkan masyarakat semakin peka dan prihatin dengan alam persekitaran mereka. Peningkatan kesedaran ini menyebabkan orang ramai mengesyaki wujudnya amalan rasuah dalam aktiviti pembalakan haram.

Sepanjang tahun 2010, SPRM menerima 46 maklumat mengenai amalan rasuah berkaitan dengan pembalakan haram. Jumlah penerimaan maklumat ini meningkat berbanding hanya 32 dalam tahun 2009. Peningkatan maklumat ini turut menyaksikan sebanyak 10 siasatan terbuka dijalankan bagi kes berkaitan rasuah dalam sektor pembalakan.



Pembalakan haram berleluasa menyebabkan kerosakan alam sekitar.

Operasi Pembalakan Haram di Johor

Berdasarkan maklumat dan aduan yang diperolehi, mulai bulan Mac tahun 2010, SPRM telah menjalankan operasi pembanterasan gejala rasuah dalam aktiviti pembalakan haram. SPRM telah berjaya menyita ribuan batang balak pelbagai jenis dan saiz yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit di sebuah kawasan pembalakan di Felda Nitar Timur berdekatan Hutan Simpan Mersing. Hasil serbuan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Johor, lebih 10 kenderaan berat yang digunakan dalam kawasan pembalakan di kawasan tersebut turut disita. Penemuan ribuan batang balak terdiri dari yang bersaiz besar dan kecil, yang sudah dibersihkan dan dilonggok untuk dibawa keluar membuktikan kerakusan kontraktor pembalakan di kawasan terbabit dalam mencuri khazanah negara yang amat bernilai.

Pembalak haram guna komunikasi canggih

Keratan Akhbar
Kes Pembalakan Haram.



Operasi Pembalakan Haram di Perak dan Pahang

SPRM dan Jabatan Perhutanan Perak telah menemui kira-kira 800 batang balak yang sudah ditebang dianggarkan bernilai lebih RM250,000.00 ketika serbuan ke satu kawasan pembalakan haram di Hutan Simpan Bintang Hijau Lenggong, Perak pada pertengahan Julai 2010. Insiden yang sama turut berlaku di beberapa kawasan lain seperti di Hutan Simpan Tersang, Raub, Pahang. Dalam kes ini, SPRM berjaya mengesan kegiatan mencuri kayu balak secara berleluasa di kawasan berkenaan hasil daripada pemeriksaan mengejut yang dilakukan pada awal September 2010. Hasil siasatan juga mendapati kayu terbabit dijual kepada pembeli dengan harga sehingga RM2,500.00 setiap satu tan.

Operasi Pembalakan Haram di Jalan Simpang Pulai - Cameron Highlands

Selain itu juga, SPRM telah berjaya menumpaskan kegiatan pembalakan haram apabila merampas beratus-ratus batang balak yang baru dipotong dianggarkan bernilai jutaan ringgit serta beberapa jentera berat disyaki digunakan dalam operasi pembalakan haram di hutan kawasan pergunungan berhampiran Jalan Simpang Pulai - Cameron Highlands. Siasatan awal juga mendapati lesen membalak di kawasan tanah milik persendirian itu dikeluarkan untuk tempoh dari 16 Oktober 2009 hingga 15 Januari 2010. Walau bagaimanapun, pembalakan masih diteruskan selepas tarikh itu malah turut membabitkan pokok-pokok balak di luar kawasan yang dibenarkan.

Operasi Pembalakan Haram di Negeri Kedah

Walau bagaimanapun, semua kes di atas masih menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.



Keratan Akhbar Mengenai Keputusan Mahkamah ke atas Kes-kes SPRM.

Saksi Berpaling Tadah

IT CAN ALSO BE THAT SOME WITNESSES PROVIDE FALSE INFORMATION, OR EXAGGERATE FACTS, AFTER AN INVESTIGATOR HAS BECOME RELIANT ON THEIR TRUTHFULNESS. ANY NECESSARY PROTECTION METHODS SHOULD BE IN PLACE DURING ALL STAGES OF A CRIMINAL PROCEEDING. HOWEVER, THE CRITICAL PERIODS FOR WITNESSES ARE USUALLY AT THE TIME OF AN ARREST AND DURING THE COURT HEARING. ONCE A CONVICTION HAS BEEN OBTAINED, THE THREAT USUALLY, BUT NOT ALWAYS, DIMINISHES.

United Nations handbook on Practical Anti-Corruption Measures for Prosecutors and Investigators, 2004

Pihak SPRM telah menubuhkan satu Panel Khas untuk mengkaji kekalahan kes perbicaraan kes-kes rasuah dan isu-isu saksi belot atau berpaling tadah semasa memberi keterangan di mahkamah. Di samping itu, mesyuarat kajian kertas siasatan diadakan dari semasa ke semasa untuk menilai semula status sesuatu kes bila mana didapati saksi-saksi akan berpaling tadah, maka tindakan mengkaji semula pertuduhan terhadap Orang Kena Tuduh dilakukan.

Antara punca utama kekalahan kes rasuah di mahkamah adalah kerana saksi-saksi pendakwaan tidak memberi keterangan yang konsisten. Terdapat juga saksi-saksi yang enggan memberi keterangan dan berpaling tadah sama ada kerana tertuduh adalah pihak yang berkepentingan dengannya atau saksi takut akan keterangannya boleh mendatangkan implikasi negatif terhadap diri dan mata pencariannya.

Kebanyakan saksi pendakwaan dalam kes rasuah adalah saksi-saksi yang diminta untuk bekerjasama memberi keterangan dan bukannya tampil secara sukarela. Mereka bukanlah mangsa sebenar tetapi lebih mirip sebagai rakan sejenayah. Keterangan saksi di mahkamah adalah di luar kawalan pihak pendakwaan dan SPRM. Walau bagaimana pun, kesedaran dan kerjasama saksi-saksi amat diperlukan bagi memastikan penjenayah sebenar dihukum. Kelewatan penyelesaian perbicaraan juga akan menyebabkan timbul masalah dalam mengesan saksi-saksi serta memastikan saksi-saksi terus bersemangat memberi keterangan yang diharapkan.

Antara langkah yang diambil untuk menangani masalah saksi belot atau berpaling tadah ialah dengan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka. Sebagai contoh, dalam kes Dato' Norza Bin Zakaria dan Halimi Bin Kamaruzaman, sembilan orang saksi pendakwaan yang belot atau berpaling tadah telah dituduh di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksian kerana memberi keterangan palsu. Tindakan sedemikian boleh memberi pengajaran kepada saksi-saksi yang berkecenderungan melakukan perbuatan yang sama.

Terdapat juga masalah kekurangan Timbalan Pendakwa Raya atau Pegawai Pendakwa yang berpengalaman untuk menghadapi barisan peguambela yang berpengalaman, peguam senior dan sangat mahir mengendalikan kes-kes rasuah. Walau bagaimanapun, mahkamah sewajarnya membuat keputusan berdasarkan undang-undang dan fakta, bukannya terpengaruh dengan individu yang lebih berpengalaman yang mengendalikan kes tersebut. Usaha telah dibuat untuk menempatkan Timbalan Pendakwa Raya yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman sebelum mengendalikan kes-kes rasuah. Namun kefahaman Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret tentang kaedah dalam penyiasatan dan pembuktian kes-kes rasuah juga menjadi faktor di mana banyak kes di Mahkamah Rendah didapati tidak memihak kepada pihak pendakwaan.

Analisis ini dibuat berdasarkan statistik sepanjang tahun 2010, terdapat 31 kes yang asalnya diputuskan tiada kes *prima facie* oleh Mahkamah Rendah telah diperintahkan membela diri oleh Hakim Mahkamah Tinggi setelah rayuan didengar.

Kekalahan beberapa kes tidak dapat dielakkan kerana pihak pembelaan mempunyai pelbagai sudut pembelaan yang kadangkala tidak dapat diduga dari awal. Oleh kerana beban pembuktian adalah di pihak pendakwaan, maka kegagalan menyiasat lanjut atas beberapa perkara dan kegagalan mendapatkan dokumen penting menyebabkan timbul keraguan kepada kes pendakwaan. Kebanyakan kes rasuah merupakan kes-kes perangkap atau yang telah berlaku transaksi terdahulu sebelum siasatan bermula. Oleh kerana itu, siasatan terperinci perlu dijalankan untuk menyangkal pembelaan yang tertuduh dianaya serta bagi mengelakkan saksi-saksi pula yang dipersalahkan dan bukannya tertuduh. Tindakan proaktif terus diambil bagi memperbaiki sebarang kelemahan dalam pengendalian kes-kes rasuah yang agak teknikal dan mencabar kerana terdapat beberapa aspek yang tidak sama dengan kes-kes jenayah yang lain.

Statistik Kes Pendakwaan

Sepanjang tahun 2010, seramai 381 orang telah dituduh di mahkamah melibatkan 131 (34.4%) orang penjawat awam, 193 (50.7%) orang awam, 56 (14.7%) orang dari sektor swasta dan seorang (0.2%) ahli politik. Manakala bagi kategori penjawat awam yang telah dituduh pula adalah dua (2.0%) orang dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 20 (5.0%) orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan selebihnya 109 (83.0%) orang dari Kumpulan Sokongan.

Kes-kes Perbicaraan

Pada tahun 2010, sebanyak 811 kes perbicaraan di Mahkamah Rendah telah dikendalikan termasuk 382 kes baru. Sejumlah 435 kes telah diselesaikan di peringkat perbicaraan awal di mana 309 (71.0%) kes Orang Kena Tuduh (OKT) telah disabit kesalahan, 103 (24.0%) kes OKT dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri, lima (1.0%) kes OKT dilepas dan dibebaskan selepas dipanggil membela diri, 14 (3.0%) kes OKT dilepas tanpa dibebaskan dan empat (1.0%) kes di mana pendakwaan telah ditarikbalik. Senarai keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah adalah seperti di Jadual 9.

JADUAL 9 : Keputusan Kes Perbicaraan Di Mahkamah Rendah Dalam Tahun 2010

BIL	KEPUTUSAN		JUMLAH	%
1	Disabit Kesalahan		309	71.0
2	Lepas Dan	Sebelum Dipanggil Membela Diri	103	24.0
	Bebas	Selepas Dipanggil Membela Diri	5	1.0
3	Lepas Tanpa Dibebaskan		14	3.0
4	Tarik Balik		4	1.0
JUMLAH		435	100	

Kes-kes Rayuan

Pada tahun 2010 juga sejumlah 769 kes rayuan telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 331 kes yang baru didaftarkan. Sejumlah 214 kes telah selesai rayuannya di peringkat Mahkamah Tinggi dan 57 kes telah dapat diselesaikan di peringkat Mahkamah Rayuan manakala baki 498 kes masih belum diputuskan.

Dari 214 kes yang telah diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi, 144 (67.0%) kes memihak kepada Pendakwa Raya manakala 70 (33.0%) kes pula memihak kepada OKT. Bagi 57 kes yang telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan pula, 46 (81.0%) kes berpihak kepada Pendakwa Raya dan hanya 11 (19.0%) kes berpihak kepada OKT. Senarai keputusan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan adalah seperti di Jadual 10 dan Jadual 11.

JADUAL 10 : Keputusan Kes Di Mahkamah Tinggi Dalam Tahun 2010			
BIL	KEPUTUSAN	JUMLAH	%
1	Berpihak Pada Pendakwaraya	144	67.0
2	Tidak Berpihak Pada Pendakwaraya	70	33.0
	JUMLAH	214	100

JADUAL 11 : Keputusan Kes Rayuan Di Mahkamah Rayuan Dalam Tahun 2010			
BIL	KEPUTUSAN	JUMLAH	%
1	Berpihak Pada Pendakwaraya	46	81.0
2	Tidak Berpihak Pada Pendakwaraya	11	19.0
	JUMLAH	57	100

Mengambil kira status kes-kes yang telah diputuskan kebanyakannya masih di peringkat menunggu rayuan lanjut ke mahkamah yang lebih tinggi, keputusan kebanyakan kes belum muktamad. Walau bagaimanapun, sejak 1 Januari 2010 atas inisiatif untuk mencapai sasaran Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA), senarai pesalah rasuah yang dihukum telah dipaparkan di Portal SPRM. Sejumlah RM9,495,555.00 denda telah dikenakan ke atas individu-individu Pesalah Rasuah kes bicara.

Kes Perlucutahan Harta

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 11 kes perlucutahan harta dikendalikan di pelbagai peringkat mahkamah melibatkan satu (9.0%) kes di peringkat Mahkamah Rendah, tujuh (64.0%) kes di peringkat Mahkamah Tinggi dan tiga (27.0%) kes di peringkat Mahkamah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, satu kes di peringkat Mahkamah Rendah, lima kes di peringkat Mahkamah Tinggi dan tiga kes di peringkat Mahkamah Persekutuan telah berpihak kepada Pendakwa Raya manakala baki dua kes di peringkat Mahkamah Tinggi telah berpihak kepada tertuduh. Daripada keputusan kes-kes ini, sejumlah RM497,250.00 nilai harta telah diperoleh perintah perlucutahan. Secara keseluruhannya, walaupun pihak pendakwaan menghadapi cabaran yang kuat semasa pengendalian kes-kes perbicaraan, rayuan dan perlucutahan harta, namun berkat usaha kuat semua pihak terutama Bahagian Siasatan dan Perisikan, didapati keputusan yang memihak kepada pihak pendakwaan meningkat. Senarai keseluruhan keputusan kes perlucutahan harta adalah seperti di Jadual 12.

JADUAL 12 : Keputusan Kes Perlucutan Harta

KEPUTUSAN		TAHUN	MAHKAMAH RENDAH	MAHKAMAH TINGGI	MAHKAMAH RAYUAN	MAHKAMAH PERSEKUTUAN	JUMLAH	%
Perlucutahan Harta	Berpihak Kepada Pendakwara	2010	1	5	0	3	9	82
	Tidak Berpihak Kepada Pendakwara	2010	0	2	0	0	2	18

PENCEGAHAN



Pemeriksaan & Perundingan

Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) berperanan untuk memberi khidmat nasihat kepada mana-mana organisasi sama ada jabatan kerajaan mahupun swasta terhadap sistem dan prosedur. Sistem dan prosedur akan menjadi rapuh dan bermasalah kecuali ianya sentiasa dikawal, diselia dan dikemaskini. Ketiadaan atau kegagalan mengawal sistem dan prosedur akan mengakibatkan sistem itu tidak berfungsi dengan baik serta membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan pengurusan. Keadaan ini akan mengakibatkan kerosakan atau kemusnahan serta kerugian kepada jabatan, syarikat atau organisasi berkenaan. Oleh yang sedemikian, kawalan sistem merupakan suatu mekanisme yang dirangka bagi mencegah dan menutup ruang serta peluang perlakuan rasuah.

SPRM melalui Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) turut menjalankan pemeriksaan dan memberi khidmat nasihat ke atas isu-isu yang menjadi tumpuan umum antaranya isu Port Klang Free Zone (PKFZ), Permit Pengeluaran Bahan Batuan Serta Penguatkuasaan Pemindahan Bahan Batuan, Penyeludupan Pasir, Keruntuhan Bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), Pembiayaan Politik, Pengagihan Rumah Kos Rendah, Skim Subsidi Diesel Kepada Nelayan dan Pelaksanaan Projek-Projek di Sime Darby Berhad (SDB).



- **Pemeriksaan Ke Atas Sistem dan Prosedur Pembangunan Port Klang Free Zone (PKFZ)**

KOS PEMBANGUNAN PORT KLANG FREE ZONE MENINGKAT HAMPIR SEKALI GANDA.
PERKARA INI MENIMBULKAN PERSEPSI WUJUDNYA AMALAN RASUAH.

SPRM telah menjalankan pemeriksaan terhadap isu berkaitan berlakunya rasuah di dalam pelaksanaan pembangunan Port Klang Free Zone (PKFZ). Akibat daripada rasuah, kos projek telah meningkat kepada RM3.522 billion daripada kos asal projek sebanyak RM1.957 billion. Pemeriksaan mendapati kelemahan dalam beberapa perkara berikut:-

a. **Pemantauan Perjalanan Projek**

Hasil pemeriksaan mendapati kelemahan pemantauan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) menyebabkan PKFZ mengalami kerugian. SPRM mencadangkan Kementerian Kewangan mengarahkan semua Badan Berkanun mematuhi Surat Pekeling Am Bil. 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.



Jalinan kerjasama erat antara agensi-agensi dalam usaha pemberantasan rasuah.

b. Pembayaran Kemajuan (*Progress Payment*)

Kelemahan yang dikesan daripada pemeriksaan ialah tiadanya klausu dalam perjanjian pembangunan PKFZ yang memerlukan pengesahan oleh LPK sebelum kelulusan pembayaran di samping tiada skop dan harga kerja sebagai panduan untuk pengesahan siap kerja sebelum pembayaran dibuat. Cadangan penambahbaikan ialah supaya Kementerian Kewangan menakrifkan semula *vendor driven project* dan semua Badan Berkanun mesti mematuhi prosedur pengesahan siap kerja serta tugas dan tanggungjawab penyelia sebagaimana ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan di dalam dokumen perjanjian dengan pemaju. Oleh itu tidak akan berlaku lagi pembayaran kemajuan dibuat tanpa pengesahan siap kerja dan kerja tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

c. Dokumen Perjanjian

Kelemahan yang dikesan dari isu ini ialah terdapat '*supplemental agreement*' yang ditandatangani menyebabkan peningkatan kos dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan. Setiap kali adanya *Additional Development Works*, maka kos meningkat. Pemeriksaan mendapati LPK tidak mempunyai prosedur pendraflan perjanjian. Draf tidak dibuat '*vetting*' oleh Jabatan Peguam Negara dan tidak mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) sebagaimana kehendak Seksyen 14 Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963. Cadangan penambahbaikan yang dikemukakan ialah supaya Kementerian Kewangan mengeluarkan Surat Arahan supaya semua Badan Berkanun menyediakan Prosedur Pendraflan Perjanjian yang menyatakan asas / kriteria serta had di dalam penyediaan *supplemental agreement* atau lain-lain dokumen perjanjian. Setiap Draf Perjanjian mestilah dibuat "*vetting*" oleh Pejabat Peguam Negara dan diluluskan terlebih dahulu oleh ALP. Prosedur yang jelas dapat mengelakkan perjanjian ditandatangani secara berat sebelah yang mengakibatkan implikasi kewangan yang besar kepada pihak Kerajaan.

d. Letter of Support (LoS)

Kelemahan berkaitan pengeluaran *Letter of Support* (LoS) pula ialah LoS bukan jaminan Kerajaan tetapi Kerajaan terpaksa menanggung bebanan hutang disebabkan kandungan LoS meletakkan liabiliti kepada Kerajaan. Khidmat nasihat yang diberi ialah supaya Kementerian Kewangan mengeluarkan Pekeliling berkaitan LoS yang kandungannya tidak boleh meletakkan liabiliti kepada Kerajaan. Dengan itu tiada lagi pengeluaran LoS yang meletakkan liabiliti kepada Kerajaan.

e. Perlantikan Pemaju

Bagi isu ini, Kementerian Kewangan telah mewujudkan jawatankuasa bagi melantik kontraktor secara rundingan terus dan mengadakan "*Integrity Pact*" dalam dokumen kontrak Kerajaan. Satu cadangan lagi adalah mewujudkan mekanisme pemantauan projek mega Kerajaan oleh SPRM. Cadangan ini telah dikemukakan oleh pihak SPRM kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK).

f. Penilaian dan Penetapan Harga Tanah

Bagi isu ini, penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah dibuat berdasarkan *special value* iaitu harga harta tanah dinilai berdasarkan pembangunan dan prasarana yang akan diadakan pada masa hadapan mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 1/2003 – Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat dan Perbadanan. Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Kewangan telah membatalkan SPP Bil. 1/2003 dan digantikan dengan SPP Bil. 11/2007 yang tiada lagi kaedah penilaian berdasarkan *special value*.

• Pemeriksaan Ke Atas Sistem dan Prosedur Permohonan dan Kelulusan Permit Pengeluaran Bahan Batuan serta Penguatkuasaan Pemindahan Bahan Batuan

SISTEM DAN PROSEDUR PERMOHONAN, KELULUSAN DAN PENGUATKUASAAN PERMIT PASIR DI PERINGKAT NEGERI DIKATAKAN TIDAK TELUS YANG BOLEH MEMBUKA RUANG BERLAKUNYA RASUAH.

SPRM melalui Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) telah menjalankan pemeriksaan ekoran Operasi Pasir (Ops Pasir) oleh Bahagian Perisikan ke atas beberapa negeri berkaitan dengan isu kelemahan sistem dan prosedur permohonan dan kelulusan permit pengeluaran bahan batuan serta kelemahan penguatkuasaan. Isu ini telah menarik perhatian umum dan seterusnya menjadi isu nasional.

Sehubungan dengan itu, pemeriksaan terhadap negeri-negeri di seluruh Malaysia berhubung perkara ini telah dijalankan dan menemui kelemahan-kelemahan yang boleh membuka ruang kepada berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut:-

a. Permohonan Pengeluaran Bahan Batuan

- Tidak ada keseragaman borang permohonan antara negeri-negeri;
- Terdapat negeri-negeri yang tidak menetapkan syarat permohonan dan jika ada syarat permohonan ianya terlalu umum iaitu dengan hanya menetapkan warganegara Malaysia sahaja sama ada untuk permohonan individu ataupun permohonan syarikat; dan
- Bayaran yang dikenakan tidak selaras.

b. Kelulusan Permit Bahan Batuan

- Jangkamasa tidak seragam untuk proses kelulusan permit;
- Kuasa meluluskan permohonan permit bahan batuan hanya diberikan kepada Pegawai Tanah dan Daerah atau Pengarah Tanah dan Galian; dan
- Pandangan daripada Jabatan Teknikal tidak disyaratkan sebelum kelulusan diberikan kepada pemohon.

SHAH ALAM: The Selangor government has agreed to a joint task force to be established between Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to fight alleged graft in the sand mining trade.

Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim said the task force was agreed upon on Friday night during a meeting with MACC officers.

Recently, the state government had invited MACC to second its officers with KSSB to curb corruption.

The meeting on Friday was attended by MACC deputy chief commissioner Datuk Sutinah Sultan, director of examinations and negotiations department Shaharuddin Khalid and Selangor MACC director Datuk Jaafar Maahad while Khalid's political secretary Faekah Husin and KSSB chief executive director Wan

»This approach will give MACC a free hand to investigate KSSB if the need arises«
TAN SRI KHALID IBRAHIM

Abdul Halim Wan Ismail represented the state.
“This approach will give MACC a free hand to investigate KSSB if the need arises and ensure transparency.”

Task force on illegal sand mining

Selangor govt and MACC to weed out alleged corruption in the trade

c. **Prosedur Penguatkuasaan Pindahan Bahan Batuan**

- Tempoh masa pemindahan pasir tidak seragam;
- Kebanyakan negeri tidak mempunyai Standard Operating Procedure (SOP) Penguatkuasaan pindahan bahan batuan;
- Kaedah pemantauan melalui pengiraan pengeluaran doket atau kupon atau tiket agak sukar kerana tiada mekanisme untuk kawalan tiket;
- Kurang pemantauan di lokasi pengorekan pasir oleh pegawai penguatkuasa dan memantau pemindahan bahan batuan tersebut dengan alasan tidak cukup pegawai penguatkuasaan dan terpaksa menggunakan anggota lain seperti Pembantu Am Rendah (PAR) untuk membantu tugas penguatkuasaan; dan
- Kebanyakan negeri tiada SOP untuk menjalankan siasatan terhadap kes pasir.

Berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan tersebut, Bahagian ini telah memberi Khidmat Nasihat kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dengan cadangan-cadangan penambahbaikan seperti di bawah:-

- i. Mewujudkan syarat permohonan yang jelas dan seragam bagi semua negeri bagi mengelakkan pihak yang berkepentingan mengambil kesempatan;
- ii. Menyeragamkan tempoh kelulusan iaitu menetapkan masa yang standard untuk proses permohonan dan meluluskan permohonan seluruh Malaysia dan mempamerkan carta aliran kerja tersebut;
- iii. Jawatankuasa dalaman diwujudkan untuk meluluskan permit;
- iv. Menetapkan masa pengeluaran bahan batuan yang seragam di seluruh Malaysia contohnya waktu operasi mulai 7.00 pagi hingga 6.00 petang pada hari berkerja sahaja dan membatalkan kuasa Pentadbir Tanah memberikan kebenaran beroperasi di luar waktu yang ditetapkan supaya memudahkan pemantauan oleh Penguatkuasa;
- v. Penggunaan kaedah '*Bill Of Quantities*' dalam pengeluaran bahan batuan;
- vi. Meletakkan penandaan persempadanan dan mempamerkan papan kenyataan di tempat pengorekan dan tempat simpanan (*stockpile*);
- vii. PTD/PTG menyediakan SOP penguatkuasaan dan perlu menambah keanggotaan penguatkuasa yang terlatih; dan
- viii. Mengadakan kursus berkenaan dengan prosedur menjalankan siasatan berhubung kes kecurian pasir kepada Pegawai Siasatan.

Kerakusan aktiviti mencuri dan menyeludup pasir perlu ditangani seberapa segera kerana ia membawa banyak implikasi buruk bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi Kerajaan menanggung kerugian kutipan hasil.

JADUAL 13 : Kelemahan dan Cadangan Penambahbaikan Sistem dan Prosedur Permohonan Kelulusan dan Penguatkuasaan Permit Pasir

ISU	KELEMAHAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Syarat permohonan permit bahan batuan terlalu umum dan ada negeri yang tidak menetapkan syarat permohonan.	Akan mewujudkan amalan kronisme, kuasa budibicara dan ketidaktelusan.	Menetapkan syarat permohonan dan syarat permohonan tersebut mestilah jelas dan seragam serta didokumentkan.
Jangkamasa kelulusan permohonan permit bahan batuan yang tidak seragam.	Mengakibatkan ‘delay’ dan membuka ruang dan peluang rasuah.	Menyeragamkan tempoh masa kelulusan permit dengan menetapkan masa yang seragam untuk semua negeri.
Tiada Carta Aliran Kerja kelulusan permit bahan batuan dipamerkan.	Boleh membuka ruang dan peluang rasuah serta menunjukkan tiada ketelusan.	Mewujudkan Carta Aliran Kerja Kelulusan Permit Bahan Batuan dan dipamerkan.
Pemusatan kuasa kelulusan diberikan kepada Pegawai Tanah dan Daerah (PTD).	Boleh membuka ruang dan peluang rasuah serta penggunaan kuasa budibicara.	JKPTG mengeluarkan Pekeliling mengawal pemusatan kuasa dalam membuat keputusan.
Masa pemindahan batuan tidak seragam antara negeri-negeri.	Menyukarkan pemantauan oleh Pegawai Penguatkuasa.	Menetapkan masa yang seragam iaitu waktu pejabat dan pada hari bekerja.
Terdapat negeri yang memberi kebenaran operasi pemindahan pasir di luar waktu yang ditetapkan dengan kebenaran bertulis dari Pentadbir Tanah dan Daerah (PTD).	Akan membuka ruang dan peluang rasuah khasnya kepada PTD dan memberi peluang kepada pengusaha mencuri pasir.	Membatalkan kuasa PTD yang membenarkan pengusaha beroperasi di luar waktu yang ditetapkan.
Tiada mekanisme untuk kawalan tiket / doket / kupon.	Pengusaha menggunakan satu tiket/ doket/ kupon untuk beberapa pemindahan bahan batuan.	Menggunakan kaedah pengiraan kuantiti berasaskan anggaran ‘bill of quantities’.
Tiada penandaan sempadan dibuat ke atas lokasi pengorekan bahan batuan dan di tempat ‘stock pile’.	Mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan, kerosakan sistem ekologi serta membuka ruang dan peluang rasuah.	Meletakkan papan tanda sempadan di lokasi pengorekan bahan batuan.
Pemantauan yang dilakukan tidak sistematis kerana tiada jadual ditetapkan.	Tiada aspek <i>check and balance</i> dan penggunaan budi bicara tanpa kawalan.	Menyediakan SOP Penguatkuasaan yang seragam bagi semua negeri.
Terdapat negeri menggunakan Pembantu Am Pejabat / Pembantu Rendah Am (PAP/PRA) untuk membantu menjalankan tugas penguatkuasaan.	Penguatkuasaan yang lemah kerana jumlah anggota yang tidak mencukupi.	Penambahan anggota penguatkuasa.
Tindakan undang-undang tidak dapat diambil kerana Kertas Siasatan lambat disiapkan oleh Pegawai Penyiasat.	Kekurangan Pegawai Penyiasat yang berpengalaman dan tiada SOP siasatan bahan batuan untuk dijadikan panduan.	JKPTG menyediakan SOP siasatan bahan batuan, mengadakan kursus-kursus yang berkaitan dan mewujudkan Unit Pematuhan untuk memastikan Pegawai Penguatkuasa mematuhi undang-undang.

• Pemeriksaan Ke Atas Penguatkuasaan Larangan Pengeksportan Pasir Ke Luar Negeri

SISTEM DAN PROSEDUR PERMOHONAN, KELULUSAN DAN PENGUATKUASAAN PERMIT PASIR DI PERINGKAT NEGERI DIKATAKAN TIDAK TELUS DAN BERLAKUNYA RASUAH.

SPRM telah menjalankan beberapa operasi sepanjang tahun 2009 hingga Julai 2010 yang menghasilkan sebanyak 43 tangkapan kerana melakukan kesalahan rasuah berhubung dengan pengorekan dan pemindahan pasir tanpa permit. Kerugian yang dialami Kerajaan akibat dari penyeludupan pasir dianggarkan sebanyak RM145 juta setahun. Cara penyeludupan pasir adalah melalui jalan darat dengan menggunakan lori dan melalui jalan laut dengan menggunakan tongkang (*barge*).

Antara faktor yang menggalakkan penyeludupan pasir adalah seperti berikut:-

- a. Permintaan yang tinggi oleh negara jiran;
- b. Harga yang ditawarkan oleh negara jiran lebih tinggi;
- c. Dasar Kerajaan sedia ada tidak menghadkan kuota jumlah eksport pasir silika ke negara jiran;
- d. Hukuman terhadap penyeludup tidak memberi kesan kerana hanya dikenakan kompaun yang rendah; dan
- e. Terdapat anggota penguatkuasa dalam jabatan tertentu yang tidak mengambil tindakan sewajarnya terhadap sindiket penyeludupan pasir.

SPRM telah membentangkan hasil pemeriksaan terhadap isu ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKKMKPK) Siri 66 Bil. 2 Tahun 2010 dan mesyuarat bersetuju dengan langkah-langkah pencegahan penyeludupan pasir seperti berikut:-

- a. Pemindahan pasir melalui jalan laut diharamkan;
- b. Undang-undang yang berkaitan dikaji semula bagi memastikan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap pesalah yang menyeludup pasir;
- c. Jumlah pengeksportan pasir silika dihadkan;
- d. Penguatkuasaan dipertingkatkan melalui pengwujudan *Task Force* khas yang dianggotai oleh pelbagai agensi; dan
- e. Integriti anggota penguatkuasa dipertingkatkan.





- **Pemeriksaan Ke Atas Sistem Pemilihan
Independent Checker Projek Stadium
Sultan Mizan Zainal Abidin**

INDEPENDENT CHECKER YANG DILANTIK OLEH KONTRAKTOR TELAH MEMPERAKUKAN PROJEK STADIUM SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN SIAP DENGAN SEMPURNA. SETELAH ITU BUMBUNG STADIUM RUNTUH DAN PERKARA INI MENIMBULKAN PERSEPSI WUJUDNYA RASUAH.

Projek membina dan menyiapkan bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Gong Badak, Kuala Terengganu telah dibina secara reka dan bina (*Design and Build*). Stadium ini merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri yang diserahkan kepada syarikat bina struktur, Emarcon, Genggam Mercu (BSEGEM JV). Projek ini bermula pada 27 Mac 2005 dengan harga kontrak bernilai RM191,181,240.80. Harga ini termasuk anggaran bagi kerja-kerja *Prime Cost Sum* (PC Sum).

Semasa kerja-kerja bumbung sedang dilaksanakan, struktur bumbung yang dipasang didapati melendut (*sagging*). Untuk itu JKR Terengganu bersama Senibahri Arkitek yang merupakan Perunding Arkitek yang dilantik telah mengedarkan surat teguran dan *Non Conformance Report* (NCR) kepada kontraktor utama untuk mendapatkan penjelasan berkaitan hal tersebut. Pihak kontraktor telah mengemukakan *Guarantee Letter* memberi jaminan bahawa *Space Frame* pada bumbung tersebut adalah selamat. JKR seterusnya meminta kontraktor utama untuk mengemukakan laporan *Independent Checker* sebagai *endorser* kepada ketahanan rekabentuk struktur yang melendut pada bumbung stadium tersebut. Berikutan dari itu, kontraktor utama telah melantik *Independent Checker* yang kemudiannya mengeluarkan *Certification of Checker* menyatakan keadaan bumbung tersebut adalah selamat tetapi ianya telah runtuhan pada 2 Jun 2009. Akibat daripada keruntuhan ini, Kerajaan Negeri Terengganu terpaksa mengeluarkan peruntukan tambahan bagi membangunkan semula struktur yang runtuhan.

Pemeriksaan mendapati perlantikan *Independent Checker* telah dibuat oleh Kontraktor Utama yang turut mempunyai kepentingan peribadi. Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang, SPRM mencadangkan supaya dibuat penambahbaikan ke atas Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka Dan Bina dengan memasukkan perlantikan *Independent Checker* dibuat oleh *client* dan bukannya kontraktor utama. Tujuannya adalah untuk mengelak berlakunya *conflict of interest* di antara kontraktor utama dan *Independent Checker* yang boleh mengakibatkan wujudnya ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah serta penyelewengan di dalam urusan pembinaan bagi Projek Reka Dan Bina di Malaysia pada masa akan datang. Cadangan ini telah diterima sebagai tambahbaik kepada panduan sedia ada.



• Pemeriksaan Ke Atas Sistem Pemeriksaan Kenderaan Perdagangan

KETIADAAN SISTEM DAN PROSEDUR YANG JELAS MENYEBABKAN KENDERaan YANG GAGAL SEMASA PEMERIKSAAN DI SEBUAH STESEN PUSPAKOM AKAN MEMBUAT PEMERIKSAAN KALI KEDUA DAN LULUS DI STESEN PUSPAKOM YANG LAIN PADA HARI YANG SAMA. PERKARA INI MENIMBULKAN PERSEPSI RASUah TERHADAP PEGAWAI PUSPAKOM YANG MEMBERI KELULUSAN.

Pemeriksaan ini dibuat berdasarkan analisa ke atas maklumat yang diterima oleh SPRM berkaitan rasuah yang berlaku di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn. Bhd. (PUSPAKOM). SPRM juga telah menjalankan pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara pelaksanaan pemeriksaan kenderaan terutamanya kenderaan perdagangan oleh PUSPAKOM. Pemeriksaan dijalankan berikutan berita satu kemalangan maut pada 13 Ogos 2007 yang melibatkan sebuah bas ekspres kepunyaan Syarikat Bukit Gantang Berhad yang berlaku di KM 229.1 Lebuh Raya Utara-Selatan arah utara Bukit Gantang, Taiping, Perak. Kemalangan ini mengakibatkan seramai 22 orang terkorban.

Menurut Akta Pengangkutan Jalan 1987, semua kenderaan perdagangan adalah diwajibkan menjalankan pemeriksaan iaitu pemeriksaan berkala dan pemeriksaan berkala semula di PUSPAKOM. Pemeriksaan berkala adalah setahun sekali untuk tempoh 6 bulan sekali bagi kenderaan baru dan setiap enam bulan sekali bagi lain-lain kenderaan. Bagi pemeriksaan berkala semula adalah dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemeriksaan yang pertama dijalankan. Pemeriksaan semula adalah diwajibkan ke atas kenderaan yang gagal mematuhi standard yang telah ditetapkan.

Mana-mana kenderaan yang gagal dalam pemeriksaan secara berkala sebanyak tiga kali berturut-turut akan diserahkan kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk dikeluarkan Notis Larangan Penggunaan Sesebuah Kereta Motor (PG1). Dalam hal ini PUSPAKOM akan menyerahkan dokumen seperti Perakuan Pendaftaran Kenderaan, Disc Cukai Jalan (LKM), Permit Lembaga Kenderaan Bermotor LPKP (Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan), Disc PUSPAKOM serta Laporan Pemeriksaan PUSPAKOM yang berkeputusan gagal supaya PG1 dikeluarkan. Ini akan mengakibatkan kenderaan tersebut tidak dibenarkan beroperasi sehingga semua masalah dibaiki dan seterusnya mendapat Laporan Pemeriksaan PUSPAKOM yang berkeputusan lulus, barulah JPJ akan mengeluarkan Notis Menarik Balik Larangan Penggunaan Sesebuah Kereta Motor (PG2).

Pemeriksaan oleh SPRM mendapati sesebuah kenderaan yang gagal dalam pemeriksaan berkala di PUSPAKOM telah diluluskan di PUSPAKOM yang lain pada hari yang sama tanpa dibuat penambahbaikan yang dikehendaki oleh PUSPAKOM yang terdahulu. Perkara ini boleh berlaku kerana maklumat atau keputusan pemeriksaan berkala oleh PUSPAKOM yang terdahulu tidak disalurkan kepada Cawangan PUSPAKOM yang lain. Maklumat pemeriksaan yang terdahulu hanya disalur kepada Ibu Pejabat PUSPAKOM sahaja dan tidak disalur kepada Cawangan PUSPAKOM yang lain secara *on-line real time*. Perkara ini boleh membuka ruang dan peluang berlakunya rasuah dalam pemeriksaan berkala sesebuah kenderaan kerana pemeriksa tidak tahu sejarah sesebuah kenderaan yang diperiksa itu. Perkara ini menyebabkan pemeriksa kenderaan di Cawangan PUSPAKOM telah menggunakan peluang akibat kelemahan dalam sistem itu untuk mengambil rasuah daripada pemilik kenderaan menyebabkan kenderaan yang sepatutnya gagal dalam pemeriksaan tersebut tetapi telah diluluskan akibat amalan rasuah tersebut.

Cadangan penambahbaikan oleh SPRM kepada PUSPAKOM yang dipersetujui adalah PUSPAKOM dinasihatkan supaya memantapkan sistem '*on-line real time*' supaya semua cawangan PUSPAKOM seluruh negara dapat melihat secara automatik sejarah sesebuah kenderaan yang diperiksa. Dengan cara ini memudahkan Pemeriksa Kenderaan (V.E) menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut.

Hasilnya pihak PUSPAKOM telah meningkatkan sistem aplikasi pemeriksaan CAVIS (*Computerised Automated Vehicle Inspection System*) dengan membangunkan keupayaan sistem *on-line real time* antara semua Cawangan Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM di seluruh negara dan Ibu Pejabat. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 15 Jun 2010 di antara Ibu Pejabat PUSPAKOM dan 52 pusat pemeriksaan di seluruh negara.

Sistem ini dapat mengesan mana-mana kenderaan yang telah disenaraihitam atau gagal dalam pemeriksaan di PUSPAKOM. Contohnya, pemeriksaan kenderaan dibuat di cawangan A dan didapati gagal, butiran kenderaan yang gagal akan dihantar ke semua cawangan PUSPAKOM di seluruh negara oleh Ibu Pejabat PUSPAKOM sebagai elemen pemantauan.

Sebelum sistem ini diwujudkan, jika sesebuah kenderaan gagal dalam pemeriksaan, pemilik kenderaan akan mengunjungi cawangan yang lain dan disebabkan ketiadaan rekod, kenderaan tersebut telah diluluskan dengan membayar wang rasuah.

Impak dari sistem tersebut, kenderaan yang tidak selamat digunakan tidak akan berada di jalan raya. Di samping itu, ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah antara pemilik kenderaan dengan pegawai PUSPAKOM tertutup.

• Pemeriksaan Ke Atas Pembiayaan Politik Di Malaysia

PEMBIAYAAN POLITIK DI MALAYSIA YANG TIDAK TELUS DAN MENIMBULKAN PERSEPSI AMALAN RASUAH DI KALANGAN MASYARAKAT.

Pemeriksaan telah dibuat berkaitan dengan isu pembiayaan politik (*political funding*). Didapati pembiayaan politik di negara ini dibuat secara tidak telus dan keadaan ini boleh membuka peluang rasuah dan penyelewengan. Pemeriksaan telah dijalankan dengan kerjasama daripada Bahagian Pemantauan dan Penyelaras NKRA - Perangi Rasuah.

Sehubungan dengan itu disyorkan supaya pembiayaan politik:-

- a. dibuat atas nama parti dan dimasukkan ke dalam akaun parti dan bukan akaun individu;
- b. direkodkan dengan sempurna; dan
- c. diaudit pada setiap akhir tahun kewangan.

Tindakan susulan telah di ambil oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dengan mengkaji semula dan mendorong peraturan atau garis panduan mengenai prosedur sumbangan politik. Pindaan yang dicadangkan adalah melibatkan Seksyen 14 Akta Pertubuhan yang menyatakan:-

- a. Apa-apa sumbangan kepada parti politik hendaklah dibuat di atas nama parti politik tersebut dan tidak boleh sama sekali dibuat atas nama individu.
- b. Setiap Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa-apa sumbangan yang diterima dimasukkan ke akaun parti, direkodkan dan dikeluarkan perakuan penerimaan.
- c. Setiap Bahagian digalakkan mengaudit akaun dengan juruaudit bertauliah pada setiap tahun kewangan berakhir.



Pembiayaan politik yang telus menjamin pilihanraya yang adil.



• Pemeriksaan Ke Atas Sistem Dan Prosedur Pengagihan Rumah Kos Rendah

TIADA SISTEM DAN PROSEDUR YANG JELAS TENTANG PENGAGIHAN RUMAH KOS RENDAH MENYEBABKAN BERLAKUNYA PENYELEWENGAN DAN RASUAH.

Pengagihan rumah kos rendah yang tidak adil di Ara Damansara telah dilaporkan oleh akhbar *The Sun* bertarikh 21 Mei 2010 dalam berita bertajuk '*Low Cost Flats for Rich*' di mana terdapat mereka yang tidak layak telah diperuntukkan rumah tersebut. Pemeriksaan yang dijalankan mendapati seramai 22 orang pegawai/kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memperolehi rumah kos rendah tersebut. Kesemua mereka telah membuat permohonan kepada pemaju projek. Mereka seterusnya telah ditawar oleh pemaju dan membeli rumah tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan lebih rumah dan tiada pembeli. Lebih rumah kos rendah ini tidak dilaporkan oleh pemaju kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) bagi mendapatkan tambahan peserta. Rumah kos rendah ditetapkan untuk dijual kepada mereka yang berdaftar di kawasan sekitar dan dalam kawasan seliaan MBPJ.

Bagi mengelakkan kerugian, pihak pemaju telah mengambil inisiatif menjualkan rumah kos rendah tersebut kepada pegawai/kakitangan MBPJ. Di samping itu, pemaju sepatutnya mendaftarkan nama-nama pemohon dengan LPHS bagi dibuat tapisan melalui Sistem Terbuka Rumah Kos Rendah. Namun begitu, pemaju tidak mendaftarnya dan disebabkan itu, kesemua 22 orang pegawai/kakitangan telah terlepas daripada tapisan dan diberi milikan rumah.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan kepada pihak berkuasa berkenaan supaya:-

- a. Pemilik rumah kos rendah yang dipilih oleh pemaju hendaklah didaftarkan dengan LPHS. Mana-mana pemaju yang gagal mendaftar hendaklah dikenakan kompaun dengan kadar yang lebih tinggi berbanding sekarang.
- b. Memasukkan klausa penguatkuasaan denda terhadap pemaju yang tidak mendaftarkan mana-mana pemilik yang berjaya yang dipilih oleh pemaju dalam Dasar Perumahan Kos Rendah.
- c. Memasukkan tatacara hebat yang perlu dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam Dasar Perumahan Kos Rendah supaya ianya seragam dan sebagai makluman untuk semua orang.
- d. LPHS hendaklah melaksanakan pemantauan berkala ke atas Sistem Pendaftaran Pemohon bagi memastikan sistem tersebut berfungsi dengan kemas dan teratur.
- e. Mewujudkan sistem '*networking*' antara pemaju dan LPHS bagi memantau pembinaan rumah kos rendah di negeri Selangor.

LPHS telah mengemukakan cadangan yang diberi oleh SPRM kepada Pejabat Undang-Undang Negeri Selangor untuk diambil tindakan bagi mewartakan keseluruhan Enakmen berkaitan Rumah Kos Rendah (RKR).



- Pemeriksaan Ke Atas Pemantauan dan Penguatkuasaan dalam Skim Subsidi Diesel kepada Nelayan**

KELEMAHAN DALAM PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN SKIM SUBSIDI DIESEL KEPADA NELAYAN TELAH MENYEBABKAN BERLAKUNYA PENYELEWENGAN, RUANG DAN PELUANG RASUAH. PERKARA INI MENIMBULKAN PERSEPSI NEGATIF MASYARAKAT BAHAWA WUJUDNYA AMALAN RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI PENGUATKUASA.

Skim Subsidi Diesel dan Petrol telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan akibat kenaikan harga diesel dan petrol. Skim ini dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pemberian diesel bersubsidi kepada nelayan membuktikan komitmen Kerajaan dalam membela nasib masyarakat nelayan bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, berlaku ketirisan serius dalam pembekalan diesel bersubsidi yang menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian besar setiap tahun. Fenomena ini secara tidak langsung mengakibatkan usaha dan matlamat Kerajaan untuk membantu golongan sasar tidak tercapai.

Bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2010, sebanyak 5.32 billion diesel disalurkan kepada nelayan. Dianggarkan minimum 5% ketirisan berlaku setiap tahun dan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian seperti berikut:-

TAHUN	KUOTA (LITER)	PENGUNAAN (LITER)	KETIRISAN 5% (LITER)	KERUGIAN KERAJAAN (RM)
2006	1,074,848,000	989,727,818	49,486,391	89,075,504
2007	1,176,000,000	1,098,817,969	54,940,898	98,893,617
2008	1,188,000,000	1,069,367,758	53,468,388	96,243,098
2009	1,344,300,000	1,035,547,476	51,777,374	93,199,273
2010	1,200,000,000	1,129,372,002	47,746,560	85,943,808
JUMLAH	5,983,148,000	5,322,833,023	266,141,651	479,054,972

Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

Meskipun garis panduan dan peraturan telah diperkenalkan, namun begitu kegiatan penyelewengan yang membawa kepada isu ketirisan diesel bersubsidi ini terus berlaku. Susulan itu, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM bertindak menjalankan kajian menyeluruh ke atas sistem dan prosedur sedia ada bagi mengenalpasti kelemahan yang wujud dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahan bagi mengekang salah laku daripada terus berlaku. Kajian menyeluruh tersebut merangkumi aspek-aspek berkaitan:-

- Dasar pemberian kuota;
- Permohonan, pemprosesan dan kelulusan kad pintar e-Nelayan;
- Pesanan, penghantaran dan penerimaan bekalan diesel bersubsidi;
- Urusniaga pembelian dan penjualan diesel bersubsidi; dan
- Pemantauan dan penguatkuasaan.

Tugas ini diteruskan dalam tahun 2011.



Bantuan diesel bersubsidi Kerajaan kepada nelayan turut diselewengkan.

● Pemeriksaan Ke Atas Sistem Dan Tatacara Kerja Pelaksanaan Projek-Projek Di Sime Darby Berhad

TIADA SISTEM DAN PROSEDUR YANG SISTEMATIK, JELAS DAN TELUS MENYEBABKAN SIME DARBY BERHAD MENGALAMI KERUGIAN YANG BESAR. IANYA BOLEH BERLAKU AKIBAT PERBUATAN RASUAH.

Pemeriksaan telah dijalankan ekoran maklumat yang menyatakan Sime Darby Berhad (SDB) mengalami kerugian khususnya dalam melaksanakan projek-projek mega. Kerugian ini menimbulkan persepsi di kalangan orang awam bahawa telah berlaku amalan rasuah dalam pengendalian projek-projek SDB.

Kelemahan yang dikenalpasti menyumbang kepada kerugian SDB adalah seperti berikut:-

- a. Perolehan
Berlaku ketidakpatuhan kepada *Group Policy and Authorities* (GPA) berkaitan *due diligence* menyebabkan keputusan Ahli Lembaga Pengarah bagi pemilihan *Joint Venture Partner* (JV), *Acquisition* dan *Merger* tidak tepat.
- b. Pelaburan
Kertas Cadangan Pelaburan tidak diberi ulasan dan pandangan oleh Legal Division dan *Group Risk Management* menyebabkan pelaburan dibuat walaupun berisiko tinggi.
- c. Pemantauan
Pelaporan kemajuan projek tidak tepat dan sistematik menyebabkan Ahli Lembaga Pengarah tidak dapat memantau projek-projek dilaksanakan.
- d. Perjanjian Kontrak
Ketidaaan prosedur pendrafan perjanjian kontrak menyebabkan pelaburan yang dibuat tidak memihak kepada SDB.
- e. '*Variation Order*'
Ketidakpatuhan kepada prosedur *Variation Order* (VO) mengikut perjanjian kontrak menyebabkan kerja-kerja dibuat tanpa kelulusan VO daripada pemilik projek. Oleh itu, pemilik projek enggan membuat bayaran atas tuntutan yang dikemukakan.

Pemeriksaan ke atas isu-isu berkenaan diteruskan pada tahun 2011.

Bagi tahun 2010, sebanyak 16 Khidmat Nasihat telah diberikan kepada Jabatan bagi tujuan penambahbaikan sistem dan prosedur bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Antara khidmat nasihat yang telah diberikan adalah seperti di dalam Jadual 14:-

BIL	JABATAN	ISU / KHIDMAT NASIHAT
1	Jabatan Imigresen Malaysia	Pemeriksaan berhubung kelemahan sistem dan prosedur kerja Jabatan Imigresen Malaysia berkaitan <i>calling visa</i> dan <i>social visit</i> yang membuka ruang dan peluang rasuah.
2	Felda Palm Industries Sdn. Bhd.	Khidmat Nasihat amalan, sistem dan tatacara berhubung pemberian tender penjualan Abu Tandan oleh Felda Palm Industries Sdn. Bhd.
3	Kementerian Pertahanan Malaysia	Pemeriksaan amalan, sistem dan prosedur kerja penerimaan bayaran balik lebihan wang Kerajaan oleh pembekal perkhidmatan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia.
4	Jabatan Akauntan Negara	Pemeriksaan amalan, sistem dan prosedur proses kerja penyediaan <i>local order</i> penganjuran seminar oleh PTJ di Kementerian dan Jabatan Kerajaan.
5	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Khidmat Nasihat berkaitan amalan, sistem dan tatacara kerja pembayaran bantuan am secara tunai.
6	Kementerian Pelajaran Malaysia	Khidmat Nasihat amalan, sistem dan prosedur kerja pemilihan pembekal / kontraktor makanan bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Skim Baucer Tuisyen (SBT) di Sekolah-Sekolah Rendah seluruh Malaysia.
7	Jabatan Perdana Menteri	Khidmat Nasihat berkaitan penggunaan wang peruntukan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.
8	Setiausaha Kerajaan Selangor	Khidmat Nasihat berkaitan penggunaan wang peruntukan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (SELCAT).
9	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	Sistem dan prosedur berhubung pelaburan dan permohonan peruntukan oleh Syarikat Subsidiari di bawah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
10	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	Khidmat Nasihat berkaitan amalan, sistem dan tatacara bayaran elaun kepada Guru-Guru Kelas Al-Quran dan Farhu Ain (KAFA).
11	Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Selatan	Khidmat Nasihat berkaitan amalan, sistem dan tatacara berhubung permohonan sumbangan pembinaan Jambatan Gantung di Pusat Kokurikulum Daerah Kinta Selatan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
12	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak	Khidmat Nasihat amalan, sistem dan prosedur kerja membangunkan tanah tapak Sungai Angkat di bawah Program "Cintai Sungai Kita" oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.
13	Kementerian Kesihatan Malaysia - Jabatan Kesihatan, Sabah	Khidmat Nasihat berkaitan amalan, sistem dan tatacara pemeriksaan kesihatan ke atas premis bagi permohonan perakuan pendaftaran Kolej Sains Kesihatan ASEANA, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.
14	Kementerian Kesihatan Malaysia - Syarikat Radicare Sdn. Bhd.	Khidmat Nasihat berhubung prosedur pengurusan penyelenggaraan harta, peralatan dan prasarana oleh Syarikat Radicare Sdn. Bhd.
15	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	Khidmat Nasihat berhubung sistem dan prosedur kerja perolehan dan pembekalan peralatan kursus untuk Kolej Komuniti di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
16	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)	Khidmat Nasihat berkaitan amalan, sistem dan tatacara permohonan dan kelulusan permit pengeluaran bahan batuan dan penguatkuasaan pemindahan bahan batuan.

Di samping itu, sebanyak 15 Surat Nasihat telah dikemukakan kepada Jabatan kerana gagal mematuhi peraturan atau pekeliling yang sedia ada seperti berikut:-

JADUAL 15 : Surat Nasihat yang Dikemukakan Kepada Jabatan Sepanjang 2010

BIL	JABATAN	PERKARA
1	Lembaga Pertubuhan Peladang	Penggunaan wang akaun Pelikuidasian Koperasi sebanyak RM 139,951.00 yang digunakan semasa lawatan ke luar negara pada tahun 2006.
2	Tentera Udara Diraja Malaysia	Pemberian Tender Projek Pembinaan Kolej Tentera Udara Diraja Malaysia, Alor Setar, Kedah.
3	Polis Diraja Malaysia	Pematuhan Seksyen 107A Kanun Prosedur Jenayah-Pemakluman Hasil Siasatan kepada pengadu.
4	Majlis Daerah Kampar	Tatacara Kerja berhubung dengan pembinaan Jambatan Gantung di Pusat Kokurikulum Daerah Kinta Selatan di kawasan Sekolah Kebangsaan Jeram, Kampar, Perak.
5	Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar	Kelemahan dalam proses penebangan dan pengeluaran hasil hutan yang diberikan kepada syarikat tertentu yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah.
6	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	Syarikat Lestari Nilam Sdn. Bhd. tidak termasuk di dalam senarai pendek untuk bidaan tender projek menyiapkan Rancangan Paip Pembentungan Terbengkalai di Kuala Sawah, Seremban, Negeri Sembilan.
7	Kementerian Dalam Negeri	Prosedur tender bagi pembekalan enjin bot 40 kuasa kuda (4 lejang) untuk Jabatan Pertahanan Awam Malaysia serta tender perkhidmatan penyelenggaraan, pemberian dan pembekalan alat ganti peralatan <i>Laser Speed Detection System</i> kepada PDRM.
8	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan	Pemantauan Berjadual terhadap kerja membaikpulih Rangkaian Paip Pembentungan Pakej G02.
9	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kota Kinabalu, Sabah	Pemeriksaan keselamatan bagi permohonan perlesenan dan pendaftaran Bangunan Kolej Sains Kesihatan Aseana, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah.
10	Kementerian Kewangan Malaysia	Pengurusan taksiran duti Kastam terhadap barang yang diimport.
11	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani – Jabatan Pengairan dan Salinan Negeri Perak	Pelaksanaan Projek Infranstruktur Tanaman Nanas di Sg. Pinang 2, Selinsing, Bagan Serai, Perak yang terbengkalai.
12	Majlis Daerah Hulu Selangor	Proses permohonan dan kelulusan pembinaan bangunan di atas tanah pertanian bagi tujuan kilang dan industri.
13	Polis Diraja Malaysia	Sistem dan Prosedur Kerja Perolehan dan Pembekalan untuk kerja, bekalan dan perkhidmatan di Jabatan Logistik, PDRM bagi perolehan bekalan untuk menghadapi Pilihanraya Umum ke 12.
14	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	Prosedur pembayaran ke atas peralatan yang tidak dibekalkan iaitu <i>up/down converter (Standard Definition ke High Definition)</i> dan <i>Wireless Microphone SHURE SM 58</i> .
15	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Penguatkuasaan dan pemantauan ke atas pelesan yang menjalankan perniagaan di Pasar Borong Kuala Lumpur yang terletak di Selayang.

Pemantapan Keutuhan Pengurusan

Usaha-usaha untuk memperkuatkan lagi sistem penyampaian Perkhidmatan Awam Malaysia berteraskan aspek integriti diteruskan pada tahun 2010 ini dengan pelaksanaan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 iaitu Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Tindakan ini adalah sebagai kesinambungan strategi dan pendekatan secara menyeluruh kepada usaha-usaha penghayatan nilai-nilai murni, pemantapan integriti, pembanterasan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan pegawai badan awam yang telah dilaksanakan sebelum ini melalui pelbagai arahan yang ada.

Kejayaan tahun 2010 adalah mendapatkan kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) berkaitan Kertas Konsep Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), Penubuhan Unit Pematuhan (Compliance Unit), Kertas Konsep Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Rasuah serta Langkah-Langkah Pencegahan Penyeludupan Bahan Batu (Pasir).

Di samping itu, sebelas taklimat dan enam bengkel Jawatankuasa Tadbir Urus di Kementerian/SUK Negeri/Agensi telah dilaksanakan bagi memantapkan lagi pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 - Gerakan Pemantapan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU).

● Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)

UNTUK MENINGKATKAN INTEGRITI, TADBIR URUS TERBAIK DAN MENGURANGKAN KERENAH BIROKRASI DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) di semua Kementerian dan Kerajaan Negeri serta Jabatan dan Agensi di bawahnya mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010. Tujuan JKTU ini dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- a. untuk memperkuatkan lagi struktur sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKP) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri; dan
- b. menterjemahkan aspirasi dan komitmen kepimpinan negara berlandaskan Konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dalam pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada masyarakat umum.

Arahan ini mempunyai objektif untuk:-

- a. memastikan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah berlandaskan kepada pentadbiran yang berintegriti, tadbir urus terbaik dan tiada karenah birokrasi. Pada masa yang sama hendaklah terhindar dari kelemahan pentadbiran serta gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- b. menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang mesra pelanggan, berintegriti dan berupaya memenuhi kepuasan hati pelanggan; dan
- c. mewujudkan persekitaran Perkhidmatan Awam yang berdaya saing selaras dengan kehendak *stakeholders*.

Ke arah mencapai tujuan dan objektif arahan ini, sepanjang tahun 2010 SPRM selaku Penyelaras JKTU Peringkat Kebangsaan telah mengurussetiakan sebanyak tiga Mesyuarat Urus Setia JKTU Peringkat Kebangsaan. Manakala Mesyuarat Khas JKTU yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara juga telah dilaksanakan sebanyak dua kali.

Hasil kedua-dua mesyuarat tersebut telah dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKP).

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKP) dipengerusi oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak.



• Kejayaan

Tiga kelulusan dasar yang diperolehi melalui Mesyuarat JKKMKPK iaitu:-

- a. Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer / CeIO);
- b. Pewujudan Unit Pematuhan; dan
- c. Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Rasuah

• Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)

MELAHIRKAN PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMANTAPKAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS TERBAIK DALAM ORGANISASI.

Pelaksanaan program ini telah diluluskan dalam mesyuarat JKKMKPK Siri 65 Bil. 1 tahun 2010 pada 30 Mac 2010 dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Program ini akan memberikan latihan secara separa masa kepada pegawai dari semua sektor awam dan swasta untuk ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). CeIO juga dicadangkan untuk mengetuai Unit Pematuhan di dalam Jabatan.



Perbincangan kumpulan oleh peserta kursus.



Majlis Penutup dan penyampaian sijil
Program Pegawai Integriti
Bertauliah (CeIO).

● Unit Pematuhan

MEWUJUDKAN UNIT PEMATUHAN DI SEMUA KEMENTERIAN/SUK NEGERI BAGI MEMASTIKAN PEJABAT AWAM MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN SEDIA ADA.

Bahagian ini telah membawa isu berhubung keperluan untuk mewujudkan Unit Pematuhan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan (JKKMKPK) Siri 66 Bil. 2 Tahun 2010 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2010.

Mesyuarat tersebut telah memberikan kelulusan dasar kepada pewujudan Unit Pematuhan dalam semua Kementerian dan Kerajaan Negeri serta jabatan dan agensi di bawahnya yang bertujuan memastikan pematuhan kepada dasar, perundangan dan peraturan serta mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan jabatan. Di samping itu, Unit Pematuhan ini akan berfungsi sebagai penggerak pelaksanaan program-program pemantapan integriti dalam jabatan. Seterusnya unit ini menjadi pelapor kepada sebarang bentuk pelanggaran etika oleh warga jabatan. Kementerian, Jabatan dan Agensi setakat ini yang telah menujuhkan Unit Pematuhan adalah seperti berikut:-

- a. Jabatan Perdana Menteri
- b. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- c. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
- d. Polis Diraja Malaysia
- e. Jabatan Imigresen Malaysia
- f. Jabatan Pengangkutan Jalan
- g. Amanah Raya Berhad
- h. Tenaga Nasional Berhad

Kementerian dan Jabatan lain juga dalam proses mewujudkan Unit Pematuhan di tempat mereka.



Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah menujuhkan Unit Pematuhan pada tahun 2010.

• Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Rasuah

UNTUK MENGGALAKKAN PENJAWAT AWAM MELAPORKAN TAWARAN/PEMBERIAN RASUAH KEPADA PIHAK BERKUASA/SPRM.

Kertas Konsep mengenai perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan (JKKMKPK) Siri 66 Bil. 2 Tahun 2010 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2010. Seterusnya, mesyuarat tersebut telah memberikan kelulusan dasar kepada pemberian pengiktirafan ini.

Objektif pengiktirafan ini diwujudkan ialah untuk:-

- a. meningkatkan serta menggalakkan penjawat awam melaporkan tawaran dan pemberian rasuah yang menjadi kesalahan di bawah Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.
- b. mewujudkan satu skim yang khusus untuk memberi pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan kes-kes rasuah dan mengikis pandangan negatif daripada rakan sekerja apabila melaporkan kes rasuah.
- c. meningkatkan imej sektor awam dan persepsi baik bahawa pegawai awam tidak berkompromi dengan perbuatan rasuah apabila ramai penjawat awam tampil membuat laporan.
- d. memperbaiki kedudukan Malaysia dari segi Indeks Persepsi Rasuah (CPI).




Pegawai SPRM yang menerima aduan rasuah daripada Penjawat Awam.

• Usaha-usaha Meningkatkan Keutuhan

UNTUK MEMASTIKAN PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM KENAIKAN PANGKAT DAN LAIN-LAIN BEBAS DARIPADA RASUAH.

Berdasarkan Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985, semua penjawat awam adalah diwajibkan lulus Tapisan Keutuhan sebagai syarat bagi urusan kenaikan pangkat atau pemangkuhan, persaraan pilihan sendiri/awal, penganugerahan pingat dan bintang kebesaran persekutuan dan negeri serta bagi tujuan Tapisan Am.

Tapisan keutuhan ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memastikan hanya calon yang bebas daripada perlakuan dan penyiasatan rasuah diperakukan. SPRM telah mengendalikan sebanyak 124,661 permohonan untuk pelbagai tujuan tapisan keutuhan berbanding tahun 2009 adalah sebanyak 201,119 permohonan.



Arahan Y.A.B. Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 :
Gerakan Pemantapan Keutuhan
Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia -
Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus.

Bidang Keberhasilan Utama Negara NKRA - Perangi Rasuah

Kerajaan sangat komited dalam usaha memerangi rasuah di negara ini. Buktinya dapat dilihat menerusi pembentukan Bidang Keberhasilan Utama Negara, NKRA - Perangi Rasuah. Cetusan idea yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri ini telah diumumkan pada 27 Julai 2009 lalu sekaligus mencerminkan komitmen dan iltizam Kerajaan yang mahu menjadikan Malaysia sebagai negara bebas daripada sebarang unsur rasuah. NKRA - Perangi Rasuah diletakkan di tangga kedua daripada enam bidang yang telah dikenalpasti dan agensi yang bertanggungjawab adalah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Pesuruhjaya bertindak sebagai penyelaras.

Dengan bersandarkan tiga objektif utama iaitu untuk mengurangkan rasuah melalui penguatkuasaan dan pematuhan, memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah dan memperbaiki persepsi rakyat terhadap integriti kerajaan dan perkhidmatan awam, ternyata aspirasi ini dapat memenuhi kehendak rakyat untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang progresif dan maju tanpa rasuah. Bagi membanteras jenayah keji ini, NKRA - Perangi Rasuah telah memberikan fokus kepada tiga bidang tumpuan utama seperti berikut:-

a. Menangani Rasuah Besar (*Grand Corruption*)

NKRA - Perangi Rasuah dan SPRM dengan kerjasama kementerian dan agensi lain akan melaksanakan inisiatif bagi memastikan dana awam tidak disalahguna untuk kepentingan pihak tertentu di samping memperkuatkuhkan mekanisme pembiayaan parti politik.

b. Perolehan Kerajaan (*Government Procurement*)

NKRA - Perangi Rasuah dengan kerjasama kementerian berkaitan akan berusaha mengurangkan ketirisan dana awam dalam program dan projek pembangunan Kerajaan dan memastikan kesaksamaan dalam pemberian kontrak Kerajaan kepada pihak yang terlibat.

c. Agensi Pengawalseliaan Dan Penguatkuasaan (*Regulatory And Enforcement Agencies*)

NKRA - Perangi Rasuah dengan sokongan SPRM serta kerjasama agensi Penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan melaksanakan inisiatif bagi meraih semula keyakinan rakyat terhadap agensi penguatkuasa.

JADUAL 16 : NKPI Dan Sasaran Untuk Rasuah

BIDANG TUMPUAN	KPI	GARIS DASAR	2010
Persepsi Awam	<ul style="list-style-type: none"> Skor Indeks Persepsi Rasuah TI Kajian Global Corruption Barometer TI terhadap tindakan Kerajaan dalam membanteras rasuah: – % yang menjawab “berkesan” 	<ul style="list-style-type: none"> • 4.5 • 28% 	<ul style="list-style-type: none"> • 4.9 • 37%
Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kes didakwa berbanding jumlah tangkapan (Kertas Siasatan) pengedaran dan pemilikan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya Bilangan saman dikeluarkan berbanding jumlah jam operasi Jumlah saman yang diselesaikan berbanding dengan saman yang dikeluarkan oleh JPJ Jumlah kes didakwa berbanding jumlah tangkapan dan tahanan di bawah Undang-undang Imigresen Cukai yang dituntut semula ke atas barang dan perkhidmatan yang tidak diisyiharkan dengan benar 	<ul style="list-style-type: none"> • 75% • 0 • 60% (Okt. '09) • 53% (Sep. '09) • RM118 juta 	<ul style="list-style-type: none"> • 80% • 10 • 78% • 60% • RM186 juta
Perolehan Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kementerian yang memperoleh 90% dan ke atas di bawah sistem penerapan Indeks Akauntabiliti 	<ul style="list-style-type: none"> • 0 	<ul style="list-style-type: none"> • 13
Rasuah Besar	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan perbicaraan kes rasuah diselesaikan dalam setahun Jumlah individu dalam pangkalan data pesalah 	<ul style="list-style-type: none"> • 8.5% • 0 	<ul style="list-style-type: none"> • 30% • 84

Di samping itu, NKRA - Perangi Rasuah telah menyenaraikan 27 inisiatif awal dan kajian mengenainya dilakukan bagi mendapatkan strategi dan kaedah yang paling berkesan untuk membanteras jenayah rasuah sekaligus meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Antarabangsa. Di bawah NKRA - Perangi Rasuah juga, terdapat sembilan inisiatif yang diberi tumpuan utama atau dinamakan '*Big Win*'. Sembilan inisiatif '*Big Win*' ini adalah seperti berikut:-

a. Mentakrifkan Parameter Surat-Surat Sokongan

NKRA Memerangi Rasuah telah mencadangkan penyediaan garis panduan yang jelas kepada penjawat awam bagi mengurus dan menangani amalan 'Surat Sokongan' yang boleh mempengaruhi pegawai Kerajaan dalam membuat keputusan. Garis panduan berkenaan telah disedia dan diedarkan oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 2 April 2010 kepada semua agensi Kerajaan dan mensyaratkan keputusan perolehan Kerajaan mestilah berdasarkan merit.

b. Pangkalan Data Pesalah Laku Rasuah

Inisiatif Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang juga dikenali sebagai '*Name and Shame Database*' telah dipaparkan di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mulai 7 April 2010. Inisiatif ini bertujuan untuk mendidik pesalah agar tidak melakukan kesalahan yang sama serta memudahkan masyarakat dan majikan membuat keputusan apabila menjalankan urusan dengan individu atau kumpulan tertentu. Di samping itu, pangkalan data ini juga bertujuan sebagai langkah pencegahan dan pendidikan kepada masyarakat agar tidak melakukan jenayah rasuah.

c. Pendedahan Maklumat Perolehan Di Laman Web

Kementerian Kewangan melalui inisiatif ini telah memaparkan maklumat perolehan Kerajaan kepada umum melalui portal MyProcurement yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 April 2010. Usaha ini turut disertai oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dengan pewujudan portal MyPartnership bagi mendedahkan maklumat projek penswastaan yang telah dilancarkan pada 25 Ogos 2010. Langkah ini adalah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban dalam perolehan Kerajaan.



Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang dikenali "*Name and Shame Database*" dipaparkan di laman web SPRM mulai 7 April 2010.

d. Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 April 2010 dan Dewan Negara pada 6 Mei 2010 adalah bertujuan untuk menggalakkan orang awam terutamanya penjawat awam untuk melaporkan kegiatan rasuah yang berlaku di sekitar mereka. NKRA Memerangi Rasuah telah bekerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Jabatan Peguam Negara dalam menyelaraskan penyediaan Garis Panduan serta Prosedur Operasi Standard (SOP) pelaksanaan Akta ini. Dengan berkuatkuasanya Akta ini mulai 15 Disember 2010, maklumat serta identiti pemberi maklumat adalah dikategorikan sebagai maklumat sulit dan pemberi maklumat akan dilindungi daripada sebarang tindakan sivil atau jenayah yang mungkin timbul akibat pendedahan yang dilakukan.

e. Memperkasakan Unit Pematuhan

NKRA Memerangi Rasuah dengan kerjasama SPRM dan MACA telah memberikan khidmat sokongan, nasihat dan kepakaran kepada agensi penguatkuasa dalam memperkuuh dan memperkasakan unit-unit pematuhan di setiap agensi Penguatkuasa. Antara fungsi Unit Pematuhan adalah memastikan setiap undang-undang, peraturan, arahan serta prosedur dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan agensi masing-masing di samping menjalankan ujian integriti terhadap pegawai dan kakitangan bagi memastikan tahap integriti yang tinggi.

f. Mengkaji Dana Pembiayaan Parti Politik

NKRA Memerangi Rasuah dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan Bahagian Perundingan dan Pemeriksaan telah mengkaji dan mendraf peraturan atau garis panduan mengenai prosedur sumbangan politik. Pindaan yang dicadangkan adalah melibatkan Seksyen 14 Akta Pertubuhan yang menyatakan:-

- i. Apa-apa sumbangan kepada parti politik hendaklah dibuat di atas nama parti politik tersebut dan tidak boleh sama sekali dibuat atas nama individu.
- ii. Setiap Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa-apa sumbangan yang diterima dimasukkan ke akaun parti, direkodkan dan dikeluarkan perakuan penerimaan.
- iii. Setiap Bahagian digalakkan mengaudit akaun dengan juruaudit bertauliah pada setiap tahun kewangan berakhir.

Memandangkan cadangan garis panduan mengenai prosedur sumbangan politik adalah perkara baru, Kementerian Dalam Negeri dan NKRA Membanteras Rasuah dalam tempoh enam bulan akan datang berusaha untuk mendapatkan sokongan daripada semua pihak yang berkepentingan supaya cadangan ini boleh diterima pakai oleh semua parti politik di Malaysia.

g. Perbicaraan Kes Rasuah Dalam Tempoh Satu Tahun

NKRA Memerangi Rasuah telah mendapatkan sokongan yang padu daripada badan kehakiman negara dan Jabatan Peguam Negara di mana satu arahan telah dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara untuk menyelesaikan kes rasuah dalam masa satu tahun serta pindaan terhadap Kanun Prosedur Jenayah yang memperuntukkan pendakwaan kes rasuah perlu dibicarakan dalam masa 90 hari. Inisiatif ini disokong pula dengan penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rayuan kes Rasuah yang telah beroperasi sepenuhnya mulai 16 Februari 2011 bagi menyegerakan perbicaraan kes-kes rasuah.

h. Menguatkuasakan Hukuman Yang Lebih Tegas

Hukuman minimum penjara melalui pendekatan berperingkat berdasarkan tahap keseriusan kesalahan akan dilaksanakan. Selain itu, penjawat awam yang disabitkan dengan kesalahan juga akan dikenakan hukuman tahan gaji, diturunkan pangkat dan dipecat daripada jawatan di samping kehilangan hak pencegahan dan faedah-faedah yang lain serta dihalang daripada pelantikan Kerajaan pada masa akan datang.

i. Memperkuatkan Kebebasan Institusi-institusi Utama

Pembaharuan yang ketara untuk menggalakkan kebebasan institusi-institusi utama, dengan perundungan utama seperti penubuhan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia diluluskan pada tahun 2009.

NKRA - Perangi Rasuah mempunyai tiga fasa yang perlu dilaksanakan. Fasa-fasa ini dibahagikan mengikut tahun sehingga 2012. Bagi tahun 2010, Fasa Pertama dalam NKRA-Rasuah ini lebih menjurus kepada meningkatkan ketelusan. Sehingga Oktober 2010, Kerajaan telah berjaya melaksanakan enam daripada sembilan inisiatif yang terkandung di dalam *Big Win* dan bagi inisiatif yang agak sukar dari segi perlaksanaannya, disasarkan akan berjaya dilaksanakan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2011. Enam inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Mentakrifkan parameter surat-surat sokongan;
2. Pangkalan data pesalah laku rasuah;
3. Pendedahan maklumat perolehan di laman web;
4. Penguatkuasaan dan pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat;
5. Menyelesaikan perbicaraan kes rasuah dalam tempoh satu tahun; dan
6. Menguatkuasakan hukuman yang lebih tegas.

Usaha untuk membanteras rasuah memerlukan sokongan dan kerjasama segenap lapisan masyarakat. Jenayah rasuah perlu dibendung hingga ke peringkat akar umbi daripada terus merebak dan membusing sehingga merosakkan nilai-nilai kehidupan dan tamadun bangsa.



Rangka Kerja Anti-Rasuah

Pendekatan dua hala, dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas, digunakan oleh Kerajaan dalam usaha memerangi rasuah



Usaha-usaha perubahan di Malaysia pada peringkat awalnya fokus kepada memerangi rasuah di peringkat dasar dan pelaksanaan; membina asas yang kukuh bagi menyokong usaha perubahan yang lebih besar dan berterusan pada masa akan datang.

Inisiatif Yang Dibentuk Untuk Memerangi RASUAH

Sejumlah 27 inisiatif bagi Pengawalseliaan & Penguatkuasaan, Perolehan Kerajaan & Rasuah Terancang telah dibentuk bagi memerangi rasuah

PENGAWALSELIAAN & PENGUATKUASAAN

- Mengurangkan kuasa budzi bicara melalui automasi
- Mengurangkan karenah birokrasi / mekanisme kawalan institusi
- Agensi pusat bagi mengurus dan melupuskan harta rampasan
- Mengukuhkan unit pematuhan
- Pusingan kerja "kerusi panas"
- Meningkatkan kesedaran awam mengenai tahap perkhidmatan Kerajaan, prosedur dan pindaan undang-undang / peraturan
- Meningkatkan akauntabiliti ke atas Pihak Berkusa Tempatan dan Ahli Majlis
- Pengesinan bidang tugas Ketua Setiausaha dan Menteri
- Jadual Liga Prestasi ke atas prestasi Pihak Berkusa Tempatan

PEROLEHAN KERAJAAN

- Arahan daripada YAB PM bagi menangani surat sokongan
- Perketatkan rundingan terus dan penguatkuasaan rundingan terus
- Kriteria yang jelas di antara Perolehan Kerajaan dan Perwastaan
- Meningkatkan kepakaran teknikal di semua Kementerian dan Agenst
- Penubuhan Institut Perolehan Negara
- Virtual Procurement one-stop centre
- Perjanjian Integriti di antara Kerajaan dan Kontraktor / Pembekal

RASUAH TERANCANG

- Kajian mengenai peraturan parti politik dan pembiayaan politik
- Penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
- Pengesinan bidang tugas Ketua Setiausaha dan Menteri
- Menyelesaikan perbicaraan kes rasuah dalam masa setahun
- Menubuhkan pangkalan data pesalah rasuah yang disabitkan
- Menubuhkan pangkalan data pengisyiharan harta dan hutang
- Meningkatkan kredibiliti dan integriti media
- Melaksanakan Akta Pemberi Maklumat dan rangka kerja
- Mewujudkan skim pemberi ganjaran dan pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan perlakuan rasuah
- Hukuman yang lebih tegas
- Menentukan pelantikan politik secara rasmi

PENDIDIKAN MASYARAKAT



Pendidikan Masyarakat

Rasuah wujud tanpa mengira sempadan masa dan ruang. Walaupun sekecil mana nilai rasuah, kesan buruknya amat luas, boleh merosakkan ekonomi dan menjelaskan pembangunan negara, menjatuhkan dan menghakis kepercayaan terhadap kerajaan, organisasi, institusi dan individu serta anggota masyarakat itu sendiri.

Rasuah boleh berlaku bukan sahaja di sektor kerajaan tetapi juga di sektor swasta dan sosio-politik. Kebanyakan kes rasuah mempunyai ciri ‘suka sama suka’. Rasuah tidak akan berlaku sekiranya ada salah satu pihak sama ada pemberi atau penerima menolak dan tidak merestui amalan tercela tersebut.

Bagi menangani gejala ini daripada terus berakar umbi, dengan penuh iltizam dan semangat, SPRM bersedia berdepan dengan apa juga cabaran dan rintangan demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas dan bersih daripada jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Sehubungan dengan itu, dalam tahun 2010, SPRM telah melancarkan kempen Perangi Pemberi Rasuah yang berslogan ‘Hindari Menerima: Perangi Pemberi Rasuah’.



Pelancaran Kempen ‘Hindari Menerima: Perangi Pemberi Rasuah’.

Kempen ‘Hindari Menerima: Perangi Pemberi Rasuah’ telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara pada 26 April 2010 bertempat di Auditorium Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan integriti penjawat awam supaya menolak amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Selain daripada itu, kempen ini juga bertujuan untuk menyedarkan orang awam bahawa pemberi rasuah tidak terlepas daripada tindakan undang-undang. Kesedaran yang tinggi di kalangan pegawai dan anggota perkhidmatan awam mengenai jenayah rasuah akan menjadikan mereka lebih tegas dan berani menolak rasuah sebagai budaya hidup mereka.

Kempen ini mendapat kerjasama yang sangat baik daripada 10 agensi Penguatkuasaan dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Agensi yang terlibat dalam kempen ini adalah seperti berikut:-

- Polis Diraja Malaysia
- Agensi Penguatkuasaan Maritim
- Jabatan Perhutanan
- Jabatan Rela
- Kastam Diraja Malaysia
- Jabatan Imigresen
- Jabatan Pengangkutan Jalan
- Perbadanan Putrajaya
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan
- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Hasil daripada kempen tersebut, didapati jumlah tangkapan terhadap kakitangan awam di bawah kesalahan seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 menurun sebanyak 32% iaitu sebanyak 294 tangkapan dalam tahun 2010 berbanding 200 tangkapan pada tahun 2009. Manakala tangkapan di bawah kesalahan seksyen 17(b) Akta SPRM 2009 meningkat 283% iaitu sebanyak 414 tangkapan dalam tahun 2010 berbanding 108 tangkapan pada tahun 2009.

Daripada statistik ini, jelas menunjukkan wujud perubahan minda dan sikap di kalangan kakitangan awam terutamanya yang berkhidmat di agensi-agensi penguatkuasaan lebih tegas dan berani menolak tawaran atau pemberian rasuah.



Y.Bhg. Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed menampal pelekat kenderaan "Bersama Lakukan Perubahan Perangi Rasuah".



Edaran pelekat-pelekat dan risalah mengenai SPRM turut disertai oleh Y. Bhg. Dato Zakaria Bin Jaafar.

Pada 11 Mac 2010, SPRM telah melancarkan Aspirasi SPRM 2010 dan slogan "Bersama Lakukan Perubahan Perangi Rasuah" yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai lapisan budaya, agama dan pekerjaan tentang kesan buruk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.


Y.Bhg. Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed mengedarkan pelekat dan risalah mengenai SPRM kepada pengguna lebuhraya pada 24 Februari 2010 di Plaza Tol Sungai Besi, Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

• Strategi Pendidikan Masyarakat

PADA TAHUN 2010, USAHA-USAHA PENCEGAHAN RASUAH TELAH DIPERKEMAS DAN DIPERLUASKAN AGAR MEMBERI LEBIH IMPAK KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT SELARAS DENGAN STRATEGI PENDIDIKAN MASYARAKAT IAITU "MENINGKATKAN KEYAKINAN DAN MENGEKALKAN SOKONGAN MELALUI PENGLIBATAN DAN KOMITMEN PELBAGAI SEKTOR STRATEGIK DALAM PROGRAM PENCEGAHAN RASUAH".

Untuk itu, SPRM melalui Bahagian Pendidikan Masyarakat telah melaksanakan tiga strategi seperti berikut:-

- i. Perhubungan Masyarakat (*Community Engagement*)
- ii. Jalinan Usahasama Antara Agensi
- iii. Promosi Melalui Saluran Media





Delegasi Gabungan Pertubuhan-pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong) ketika sesi dialog bersama SPRM di Dewan Perhimpunan Cina Selangor.

• Perhubungan Masyarakat

STRATEGI PERHUBUNGAN MASYARAKAT ADALAH PENTING BAGI MENENTUKAN KEBERKESANAN AKTIVITI PENCEGAHAN RASUAH DALAM USAHA BERTERUSAN SPRM MENDIDIK MASYARAKAT AGAR MEMBENCI SEGALA BENTUK RASUAH.



Majlis Penerangan SPRM bersama Ahli Pertubuhan Hua Zong.

SPRM memperluaskan usaha pencegahan rasuahnya dengan menganjurkan lebih banyak program berbentuk interaksi dengan masyarakat peniaga dan pertubuhan-pertubuhan usahawan. Pada 9 Februari 2010, Majlis Dialog dan Penerangan SPRM bersama Majlis Tertinggi Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong) telah diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur.

Langkah ini diambil bagi menyedarkan komuniti peniaga supaya mereka lebih memahami etika perniagaan yang bersih dan dapat mengelakkan mereka daripada terjebak dengan amalan rasuah dan salah guna kuasa serta penyelewengan. Budaya rasuah tidak akan wujud sekiranya ahli-ahli perniagaan bersikap jujur, mematuhi peraturan dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik.

Majlis Dialog dan Penerangan tersebut dihadiri oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, pemimpin tertinggi SPRM, Ahli Majlis Tertinggi Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan 13 wakil daripada Dewan Perniagaan Cina dari setiap negeri. Hasil daripada program tersebut, satu jalinan kerjasama telah dibentuk oleh kedua-dua belah pihak di mana satu Upacara Pelancaran Majlis Penerangan SPRM Bersama Masyarakat Hua Zong telah diadakan pada 5 Mei 2010 bertempat di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Jalan Maharajalela, Kuala Lumpur.

Susulan daripada Majlis Pelancaran tersebut, sebanyak 16 program Majlis Penerangan Bersama Masyarakat Hua Zong telah diadakan di seluruh negara. Program-program yang dianjurkan ini adalah untuk memberi peluang kepada SPRM dan Pertubuhan Hua Zong mengadakan lebih banyak sesi interaksi bagi merangka langkah-langkah strategik secara bersama memerangi rasuah dalam sektor perniagaan.

Usahasama dua hala sebegini dipermantapkan apabila satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SPRM dengan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) telah diadakan bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Jalan Duta, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 9 Ogos 2010. MoU ini ditandatangani oleh Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, mewakili SPRM dan Tan Sri William Cheng Hen Jem, Presiden ACCCIM yang mewakili ACCCIM yang bertujuan untuk membantu memperkuatkannya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di kalangan anggota pertubuhan berkenaan. Dalam masa yang sama ahli-ahli pertubuhan digalakkan mengemukakan apa-apa cadangan ke arah penambahbaikan proses kerja di Jabatan Kerajaan bagi mengurangkan ruang rasuah.

Selain itu usaha-usaha untuk mempromosikan program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SPRM ke segenap lapisan masyarakat turut dijalankan, di mana pelbagai perbincangan, perjumpaan, diskusi, majlis penerangan dan dialog telah diadakan di antara pertubuhan-pertubuhan seperti berikut:-

- Pimpinan Masyarakat India Kuala Lumpur/ Selangor
- Masyarakat Nelayan Kuala Sungai Baru, Perlis
- Dewan Perhimpunan Masyarakat Cina Pulau Pinang
- Persatuan India Kuala Langat, Selangor
- Masyarakat Tiong Hwa Johor Bharu, Johor
- The Federations Of Kuching and Samarahan Division Chinese Association
- Kontraktor Dayak – Bidayuh, Serian, Sarawak




Majlis Penerangan kepada Ahli-ahli Gabungan Malaysian Art Society (India).

• Media Massa

DALAM PENEROKAAN PENDEKATAN YANG LEBIH BERKESAN DALAM TAHUN 2010, PERANAN MEDIA MASSA TERUTAMANYA MEDIA ELEKTRONIK DAN BAHAN CETAK ADALAH AMAT PENTING BAGI MEMASTIKAN MASYARAKAT AWAM BERWASPADA DENGAN ANCAMAN RASUAH DAN KESANNYA TERHADAP AGAMA, BANGSA DAN NEGARA. PENDEKATAN INI MAMPU MEMBERI LIPUTAN YANG LUAS DAN PENGGUNAAN KOS YANG LEBIH EFEKTIF.

Penerokaan SPRM di dalam media massa telah meluaskan program '*out-reach*' dalam penyampaian mesej-mesej anti-rasuah. Kempen yang dijalankan ini adalah pelengkap dalam misi untuk mendidik masyarakat menentang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Mesej-mesej mengenai prinsip moral yang baik, etika, budaya kerja, penderitaan dan kesengsaraan kerana perbuatan rasuah, penerangan dan pendidikan undang-undang rasuah dan akibat daripada gejala rasuah disampaikan secara ekstensif di saluran-saluran media massa seperti berikut:-

CARTA 7 : Rating Tayangan Bagi Tahun 2010



Wawancara dan kenyataan media secara tradisinya yang disiarkan melalui saluran media-media massa terbitan RTM, radio-radio universiti, Media Prima Bhd. dan MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. (Astro) digunakan sepenuhnya oleh SPRM bagi mendidik dan mengukuhkan nilai-nilai positif bagi melahirkan masyarakat terutamanya kumpulan muda yang bersih daripada ancaman jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Rancangan-rancangan yang berbentuk 'talk show' ini telah menarik minat lebih satu juta penonton bagi setiap penyiaran.

Kempen kesedaran melalui iklan antara 30 hingga 60 saat turut diterbitkan oleh SPRM. Iklan-iklan ini disiarkan di RTM, radio-radio universiti, Media Prima Bhd. (TV3, NTV7, 8TV) MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. (Astro), Radio Hot.FM, Radio FLY.FM, Klasik FM dan radio-radio tempatan dari semasa ke semasa sepanjang tahun 2010 bagi menerapkan sikap membenci rasuah di kalangan masyarakat umum dan bersedia bekerjasama dengan SPRM untuk memerangi rasuah. *Rating* bagi setiap tayangan iklan adalah seperti berikut:-

JADUAL 17 : Senarai Iklan Yang Telah Ditayangkan Sepanjang 2010		
BIL	IKLAN	PURATA RATING
1	Kapsul Ramadhan - Rezeki Yang Berkat (RTM, TV3 dan Astro)	1.4 juta
2	Kapsul Sempena Kempen Perangi Pemberi Rasuah – Laporkan Tentang Permintaan Rasuah (RTM & TV3)	3.0 juta
3	Kapsul Rasuah Adalah Mengenai Kesengsaraan (RTM & TV3)	2.8 juta
4	Sound Slide - Bersama Lakukan Perubahan, Perangi Rasuah sempena Piala Dunia 2010 (RTM & TV3)	2.03 juta
5	Sound Slide – Kempen Perangi Pemberi Rasuah (TV3)	2.1 juta
6	Iklan Sound Slide – Hadiah (RTM & TV3)	2.8 juta
7	Jingle – Bersama Lakukan Perubahan, Perangi Rasuah (3 versi – B. Melayu nyanyian Aizat, B. Inggeris nyanyian Jaclyn Victor dan Mandarin nyanyian Huo Ren)	2.3 juta
8	Iklan Radio – 6 siri (Radio Hot FM)	3.6 juta
9	Iklan Radio – 6 siri (Radio FLY FM)	694,000
10	Iklan Radio – 6 siri (Radio Klasik FM)	120,000
11	Iklan Radio di RTM seluruh Malaysia	-

• **Jalinan Usahasama Antara Agensi**

DALAM USAHA MEMASTIKAN MESEJ BERHUBUNG ANCAMAN DAN KESAN BURUK RASUAH SERTA KESANNYA KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA DISEBARKAN SECARA MENYELURUH, SPRM TELAH MEMPEROLEH SOKONGAN DAN KERJASAMA DARIPADA BEBERAPA AGENSI KERAJAAN DAN INSTITUSI SWASTA BAGI MEMAPARKAN KAPSUL-KAPSUL DAN IKLAN-IKLAN KESEDARAN YANG MENERAPKAN NILAI-NILAI MEMBENCI RASUAH DI PAPAN-PAPAN IKLAN.

Iklan SPRM Di Billboard

Kapsul-kapsul dan iklan-iklan yang telah ditayangkan di skrin LED ini telah mendapat kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut:-

- *Billboard* seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur
- *Billboard* seliaan Majlis Bandaraya Melaka, Melaka
- *Billboard* seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor
- *Billboard* seliaan Dewan Bandaraya Ipoh, Perak
- *Billboard* seliaan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan
- *Billboard* seliaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Pulau Pinang

Selain daripada itu, kapsul-kapsul dan iklan-iklan pencegahan rasuah turut dipamerkan di skrin LED swasta di kawasan-kawasan berikut:-

- a. Maju Junction
- b. Berjaya Time Square
- c. Ampang
- d. Subang
- e. Klang
- f. Ipoh
- g. Pulau Pinang
- h. Johor Bharu



Antara skrin LED yang digunakan untuk menyebarkan mesej anti-rasuah.

Iklan SPRM Di Skrin TV Restoran Mamak dan Carrefour

Bagi mendekati masyarakat dalam mengembangkan budaya membenci rasuah serta memperkuatkan sokongan masyarakat, SPRM mendapat kerjasama daripada 58 buah restoran mamak di seluruh Lembah Klang dan 18 buah premis Carrefour di seluruh Semenanjung Malaysia untuk menayangkan mesej anti-rasuah melalui 604 skrin TV. Iklan-iklan yang disiarkan di restoran mamak dan Carrefour ini membawa mesej-mesej seperti berikut:-

- a. "Jangan Beri dan Jangan Terima Rasuah"
- b. "Rasuah Wujud Bukan Disebabkan Warna Kulit, Agama atau Parti Politik, Tetapi Kerana Moral dan Integriti Individu Itu Sendiri. Oleh Itu Jangan Politikkan Rasuah"
- c. "Jangan Politikkan Rasuah"

Iklan SPRM Di Akhbar-Akhbar Tempatan

Maklumat-maklumat tentang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta peranan masyarakat dalam usaha mencegah rasuah turut diwar-warkan dalam semua akhbar tempatan. Senarai iklan SPRM di akhbar-akhbar adalah seperti di Lampiran 1.

Pameran

Pameran merupakan satu lagi pendekatan untuk mendidik masyarakat di samping menyalurkan informasi. Pada tahun 2010 SPRM telah menganjurkan sebanyak 162 pameran. Aktiviti pameran memberi peluang SPRM bersemuka dan berinteraksi dengan orang ramai bagi menjelaskan lebih mendalam isu-isu berkaitan ancaman rasuah dan pencegahannya. Senarai pameran SPRM yang dijalankan sepanjang tahun 2010 adalah seperti di Lampiran 2.

- Sekretariat Pencegahan Rasuah
Institusi Pengajian Tinggi

SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH (SPR) INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) TELAH DITUBUHKAN PADA TAHUN 2006 YANG BERTUJUAN UNTUK MENERAPKAN MESEJ ANTI-RASUAH DI KALANGAN PELAJAR.

Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Konsep ini diterapkan kepada pelajar-pelajar universiti. Maka, objektif utama penubuhan SPR adalah untuk menerapkan nilai-nilai membenci rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta menanamkan semangat sikap membenci rasuah di kalangan pelajar IPT. Untuk fasa pertama SPRM memberi tumpuan kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Daripada 20 IPTA di Malaysia, 17 universiti secara aktif menganjur pelbagai program pemantapan integriti dan pencegahan rasuah seperti berikut:-

1. Universiti Kebangsaan Malaysia
 2. Universiti Utara Malaysia
 3. Universiti Sains Malaysia
 4. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
 5. Universiti Teknologi Malaysia
 6. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
 7. Universiti Penguruan Sultan Idris
 8. Universiti Sains Islam Malaysia
 9. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
 10. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
 11. Universiti Malaysia Pahang
 12. Universiti Malaysia Terengganu
 13. Universiti Malaysia Kelantan
 14. Universiti Darul Iman
 15. Universiti Malaysia Perlis
 16. Universiti Malaysia Sabah
 17. Universiti Malaysia Sarawak



Pada 23 hingga 25 Julai 2010, SPRM telah menganjurkan satu seminar iaitu "Seminar Ke Arah Meningkatkan Keberkesanan SPRM" yang diadakan di Hotel Carlton Holiday and Suites, Shah Alam, Selangor. Objektif seminar ini diadakan adalah untuk:-

- i. Memantapkan pemahaman Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT dan Alumni tentang fungsi, peranan dan aspirasi SPRM 2010 demi meningkatkan keyakinan serta persepsi masyarakat dalam usaha-usaha pencegahan rasuah, dan
- ii. Menjalankan usahasama yang berterusan antara Sekretariat Pencegahan Rasuah IPTA dan alumni seluruh negara dalam agenda pencegahan rasuah di kalangan pelajar universiti.

Hasil daripada konvensyen ini, beberapa resolusi telah dirumuskan seperti berikut:-

1. Perspektif Integriti

- a. Mengenalpasti dan melantik seorang yang berintegriti tinggi untuk menulis dalam kolumn suratkhabar berkaitan rasuah.
- b. Calon dari semua parti politik yang akan bertanding untuk sesuatu jawatan di peringkat negeri atau parlimen diwajibkan melalui proses tapisan keutuhan.
- c. Mewujudkan jawatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di setiap sektor bagi memastikan ketelusan dalam organisasi perniagaan yang ditauliahkan oleh SPRM.
- d. Pegawai SPRM perlu turut serta dalam proses audit secara berkala dalam setiap sektor.

2. Perspektif Perundangan

Memantau bajet pilihanraya supaya 'politik wang' tidak berlaku.

3. Pendidikan

- a. Kempen anti-rasuah secara besar-besaran yang mensasarkan kepada golongan remaja di mana ahli politik sebagai medium penyampai dengan membawa mesej anti rasuah.
- b. Memberi maklumat berkaitan rasuah kepada usahawan melalui kursus, forum dan bengkel sebelum mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- c. Pengawalan dan penerapan nilai integriti secara berterusan kepada pemilik syarikat terutama apabila tamat tempoh sah lesen perniagaan.

4. Mempelbagaikan kepakaran

- a. Kepakaran pegawai SPRM perlu diperluaskan dalam pelbagai bidang.
- b. Memperluaskan hubungan dua hala dengan NGO seperti Persatuan Pengguna Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan sebagainya.

5. Mengadakan hubungan kerjasama dan rundingan bersama antara SPRM dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berkaitan kurikulum pendidikan

Mewujudkan Kelab Pencegahan Rasuah di sekolah menengah supaya dapat menyampaikan maklumat berkaitan rasuah bersesuaian dengan peringkat umur pelajar melalui tayangan animasi, teater muzikal dan aktiviti simulasi kejadian sebenar.

6. Meneliti dan memperkasakan semula SPR di IPT di mana pihak SPRM perlu mewujudkan kerjasama dua hala dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) supaya segala aktiviti SPR bergerak secara menyeluruh

- a. Menyediakan modul yang terkini bagi rujukan SPR untuk mentadbir dan menggerakkan sekretariat.
- b. Mendapatkan slot program untuk menyampaikan maklumat berkaitan rasuah kepada mahasiswa sewaktu minggu orientasi atau minggu haluan siswa.
- c. Memperluaskan jaringan kewujudan SPR IPTA ke IPTS.



Peserta Seminar Ke Arah Meningkatkan Keberkesaan SPRM.



Majlis Pelancaran Facebook SPRM pada 24 Julai 2010.

Unit Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat (UKK) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diperkasakan pada 1 Januari 2010 dengan visi untuk membina dan memelihara imej positif SPPM sebagai sebuah agensi penguatkuasaan dan pencegahan rasuah yang bebas, telus dan profesional.

UKK telah diintegrasikan di bawah Pejabat Ketua Pesuruhjaya sebagai sebuah mekanisme yang mengkoordinasi pelaksanaan komunikasi SPRM bagi menjalankan fungsi perhubungan awam dan merencana segala proses dan aliran komunikasi dalaman serta luaran bertujuan untuk membina dan memelihara imej positif Suruhanjaya.

• **Fungsi**

SEPANJANG TAHUN 2010, PELBAGAI AKTIVITI TELAH DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA OLEH UKK SERTA BERUPAYA MENJADI PENANDA ARAS BAGI UKURAN PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP SURUHANJAYA INI. SECARA TIDAK LANGSUNG, PENUBUHAN UKK MEMBERIKAN IMPAK SERTA HASIL POSITIF KEPADA SURUHANJAYA INI DALAM MEMBINA IMEJ POSITIF SERTA MEMPERBAIKI PERSEPSI MASYARAKAT LUAR TERHADAP SPRM.

Impak positif ini dapat diukur melalui beberapa pelaksanaan dan inisiatif seperti tonaliti laporan media massa dan elektronik, penggunaan prasarana media sosial, penubuhan sistem Frenz of MACC (FoMACC) serta peningkatan imej dan persepsi terhadap SPRM.

UKK ditubuhkan dengan misi untuk merancang dan melaksanakan pelan tindakan perhubungan awam dan komunikasi yang strategik, tepat dan berkesan serta menjalankan hubungan kerjasama yang rapat dengan media massa, pemimpin-pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha meningkatkan keyakinan dan persepsi masyarakat terhadap SPRM.

Secara tidak langsung berfungsi sebagai pusat rujukan setempat, saluran penyampaian maklumat dan komunikasi secara efektif secara luaran dan dalaman.

Ia juga bertanggungjawab menyediakan latihan dan khidmat nasihat komunikasi dan perhubungan awam ketika berlaku sesuatu krisis kepada semua Bahagian di Ibu Pejabat SPRM dan Negeri. UKK berperanan dalam menjalankan hubungan kerjasama yang rapat dengan media dalam meningkatkan imej dan keyakinan masyarakat terhadap SPRM melalui tindakan responsif secara efektif ke atas semua isu negatif berkaitan Suruhanjaya ini melalui tindakan mengeluarkan kenyataan terhadap sesuatu isu dengan cepat dan pantas.

• **Pelaksanaan**

PEMBINAAN IMEJ POSITIF DAN USAHA MENANGANI PERSEPSI NEGATIF MASYARAKAT TERHADAP SPRM DIATASI OLEH UKK MELALUI AKTIVITI PENGUATKUASAAN YANG DISOKONG OLEH TINDAKAN KOMUNIKASI YANG TERANCANG DAN EFEKTIF.

Melalui pelan dan tindakan komunikasi terancang dan efektif yang dibangunkan oleh UKK dapat membantu SPRM dalam merealisasikan Aspirasi SPRM 2010 iaitu untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berasaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.

Sehubungan itu, beberapa aspek yang menjadi tumpuan utama UKK dalam menjalankan fungsinya adalah:-

- Meningkatkan imej dan membentuk persepsi positif masyarakat terhadap SPRM;
- Melaksanakan aktiviti perhubungan dan pengurusan media;
- Memantau, menganalisa dan melaporkan isu-isu berkaitan SPRM yang dikeluarkan oleh media massa;
- Menyelaras, menyediakan dan menyampaikan jawapan yang responsif, tepat dan betul kepada media;
- Mewujudkan *networking* di kalangan pengamal media;
- Mendapatkan pandangan dan maklum balas pengamal media dan pengamal perhubungan awam berhubung sesuatu isu berbangkit;
- Menasihati pengurusan tertinggi berhubung sesuatu isu berbangkit, aktiviti perhubungan awam dan menyediakan jawapan kepada media;
- Memberi khidmat nasihat kepada SPRM negeri untuk hebahan media serta *spinning* sesuatu isu; dan
- Memantau, menyelaras dan mendapatkan maklum balas daripada SPRM negeri berhubung isu-isu dan kes berkepentingan awam, tangkapan serta pertuduhan dan juga krasis.

INISIATIF MENINGKATKAN IMEJ DAN PERSEPSI POSITIF

Sebagai sebuah unit baru yang bertanggungjawab menjadi saluran perhubungan dalam menangani isu-isu berkaitan SPRM yang menjadi tumpuan masyarakat khususnya dalam mengurus persepsi negatif masyarakat terhadap SPRM, UKK telah membangunkan dan mengambil beberapa inisiatif antaranya:-

KENYATAAN MEDIA	
Terik : 4 NOVEMBER 2010 (Khamis)	Akaun : Majlis Komunikasi Kepimpinan, Akaun 1, Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Kepimpinan D. Puan Prenehera, No. 10, Jalan 10/10B, 10400 Kuala Lumpur Tel. : 03-9011 9011 Fax. : 03-9011 9012 E-mail : informativ@sprm.gov.my www.sprm.gov.my
Laporan Ketua Audit Negara 2009 : Perekodan dan Lelihan SPRM Berikutnya Persekuatan Nasional SPRM	
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin memberi perhatian perkenan Seluruhnya dengan berita yang diberikan di Akhbar Harian bertarikh 3 November 2010 di mana berita "Menyata SPRM boleh lemah dari pemantauan". SPRM ingin memberi pernyataan berikut di atas kiprahnya untuk perjelas operasi SPRM terhadap cawangan Laporan Ketua Audit Negara 2009.	
Perekodan SPRM ingin memperkenalkan bahawa selain perkhidmatan internal Laporan Audit 2009 berkenaan adalah disebabkan perlembah SPRM yang berlakunya pada 1 Januari 2009 mengikutkan Badan Perseguatan Nasional. Perlembahan ini adalah sejalan dengan dilaksanakan maklumat Wacana dan Maklumat 7 Zaman 2009 berdasarkan 26 Mac 2009 yang mengiktiraf maklumat Perlembahan.	
Perlembahan ini tidak mengalih-alihkan peranan SPRM sebagai agensi pemerintah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat. SPRM juga memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat tanpa mengira agensi pemerintah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat.	
Selain itu, perlembahan perkhidmatan ini adalah disebabkan perlembah SPRM yang berlakunya pada 1 Januari 2009 mengikutkan Badan Perseguatan Nasional dan maklumat Wacana dan Maklumat 7 Zaman 2009 yang memberi perkhidmatan sebanyak RM 6,631,000.00 juta pada tahun berikut.	
Sebaiknya, selain perkhidmatan ini sama sekali tidak memberi maklumat SPRM mengalih-alihkan atau mengalih-alihkan tugas dan perkhidmatan SPRM. SPRM adalah agensi pemerintah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat tanpa mengira agensi pemerintah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat.	
Sebenarnya, selain perkhidmatan ini sama sekali tidak memberi maklumat SPRM mengalih-alihkan atau mengalih-alihkan tugas dan perkhidmatan SPRM. SPRM adalah agensi pemerintah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat tanpa mengira agensi pemerintah yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan dan perlindungan kepada rakyat.	
NOTA KEPADA PENGARANG	
BERSENARAI LAKUKAN PENGURUSAN: PERAKUZI KASIH	

a. Pemantauan Media Secara Berterusan

Tugas pemantauan media elektronik dan cetak dilakukan setiap hari sepanjang tahun oleh UKK. Ini meliputi maklumat dan berita yang disampaikan melalui akhbar, majalah, blog, laman web dan laman sosial.

b. Kenyataan dan Makluman (Nota kepada Pengarang) kepada Media

UKK bertindak sebagai agen responsif yang menjadi penghubung antara pihak media dan pengurusan SPRM dari semasa ke semasa. Ini termasuk mengeluarkan kenyataan media dan makluman kepada media cetak dan elektronik. Sepanjang tahun 2010 sebanyak 106 kenyataan media telah dikeluarkan merangkumi makluman dan kenyataan berhubung tangkapan, pertuduhan mahupun isu-isu semasa berkenaan Suruhanjaya ini.

c. Perbincangan Meja Bulat (*Roundtable Discussion*) dan Perjumpaan Tertutup

Perbincangan Meja Bulat atau *Roundtable Discussion* (RTD) merupakan salah satu inisiatif yang dianjurkan oleh UKK secara berkala di mana perbincangan ini menjurus kepada pertemuan dengan kelompok sasaran tertentu bagi menjelaskan peranan dan fungsi Suruhanjaya secara telus. Sepanjang tahun 2010 UKK telah mengendalikan beberapa perbincangan meja bulat antaranya:-

- i. RTD bersama Ketua Pengarang Media (Media Utama & Media Alternatif)
- ii. RTD bersama Pemuda PAS
- iii. RTD bersama Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia
- iv. RTD bersama Pihak Berkua Tempatan
- v. RTD bersama Badan Sukarelawan (NGO)
- vi. RTD bersama Majlis Tertinggi CUEPACS
- vii. RTD bersama Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (HUA ZONG)
- viii. RTD bersama Transparensi International Malaysia (TI-M)
- ix. RTD bersama Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC)
- x. RTD bersama wakil kedutaan daripada Kesatuan Eropah
- xii. RTD bersama Badan Pertubuhan Masyarakat India

Dalam usaha mengembalikan semula keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat, Unit Komunikasi Korporat sentiasa mengadakan sesi perjumpaan tertutup dengan organisasi media (media utama dan alternatif) setiap dua bulan sekali serta menjalin kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Dewan Perniagaan dan Pertubuhan Cina Malaysia dengan mengadakan Dialog Bersama bagi menjelaskan hasrat, aspirasi SPRM serta ciri-ciri kebebasan dan ketelusan SPRM. Usaha-usaha secara berterusan ini ternyata membawa hasil kerana mereka ini telah mendapat penerangan yang sebenarnya terus daripada pihak Pengurusan Tertinggi SPRM.

PENULISAN ARTIKEL

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 30 artikel telah ditulis oleh pegawai UKK dalam portal dan blog rasmi SPRM iaitu www.ourdifferentview.blogspot.com, tujuh penulisan artikel dalam Buletin SPRM dan beberapa artikel dan advertorial telah diterbitkan dalam akhbar-akhbar utama iaitu Utusan Malaysia, Harian Metro New Straits Times, The Star, The Sun, Sinar Harian dan Nanyang Siang Pau. Ini sebagai usaha dalam mengimbangi berita positif dan negatif. Antara tajuk artikel yang diterbitkan dalam media cetak ialah Rasuah Adalah Mengenai Kesengsaraan dalam Utusan Malaysia, Sengsara Bahana Rasuah dalam Harian Metro, *Corruption Is About Harm, Not About Who* dalam akhbar The Star dan The Sun serta tajuk yang sama di dalam tulisan Mandarin dalam akhbar Nanyang Siang Pau.

KEMPEN

UKK bersama Bahagian Pendidikan Masyarakat juga mengambil inisiatif merangka strategi dalam mengerakkan kempen-kempen bagi menyedarkan masyarakat bahawa kedua-dua penjenayah rasuah iaitu yang memberi dan menerima kedua-duanya bersalah. Sehubungan itu, satu kempen iaitu Kempen Perangi Pemberi Rasuah telah dilancarkan pada tahun 2010 dengan hasrat memberi mesej kepada masyarakat awam bahawa pemberi rasuah juga perlu diperangi. Kempen ini berjaya membawa mesej kepada masyarakat bahawa penjawat awam tidak lagi mudah disogok dengan rasuah.

SIDANG MEDIA, PERJUMPAAN TERTUTUP DAN LUNCHEON TALK

SPRM kini juga mempunyai jaringan kerjasama yang baik yang telah dibina dan dijalankan oleh UKK dengan organisasi media sehingga menyumbang kepada penurunan hebahan negatif terhadap SPRM. UKK sentiasa mengadakan pertemuan berkala secara tertutup dengan Pengamal Media iaitu Ketua Pengarang supaya mereka memahami dan jelas dengan peranan dan bidang kuasa SPRM. Segala usaha-usaha ini mampu memperlihatkan kepada media dan masyarakat bahawa SPRM sedang berada di landasan yang betul di dalam usahanya untuk memulihkan semula imejnya di mata masyarakat, mengembalikan sokongan serta memelihara sokongan masyarakat ini dalam usaha SPRM.

PENGGUNAAN PRASARANA MEDIA SOSIAL DAN MEDIA BARU

SPRM melalui UKK mengambil langkah proaktif dengan mendepani masyarakat melalui semua saluran yang ada termasuklah melalui media baru seperti Blog, Facebook, Twitter, Flickr dan Youtube. Ia adalah cara terpantas dan mudah adalah untuk menyampaikan penerangan secara terus kepada mesej-mesej perubahan dan usaha-usaha pembanterasan rasuah menerusi saluran media baru ini. Cara ini digunakan bagi mendekati golongan muda yang majoritinya mengikuti perkembangan hal ehwal semasa melalui saluran media baru ini. Melalui media sosial ini, SPRM dapat menyalurkan mesej dan penjelasan secara terus dan tepat dari SPRM sendiri supaya mereka mampu membawa mesej sama kepada khalayak pembaca blog mereka. UKK mendapatkan kerjasama media untuk menyiarkan artikel berkaitan SPRM supaya mempunyai impak positif terhadap masyarakat.



BLOG

Sehingga ini, SPRM menggunakan medium blog rasmi SPRM yang dibangunkan UKK iaitu www.ourdifferentview.blogspot.com sebagai ruang untuk menyalurkan artikel dan pandangan bagi menjelaskan isu-isu semasa berkaitan SPRM. Blog ini sebagai saluran komunikasi dua hala membolehkan SPRM mendapat maklum balas langsung daripada khalayak pembaca blog berkenaan. Sehingga ini, UKK telah pun mempunyai rangkaian *blogger* yang memberi komitmen untuk sama-sama membantu SPRM membanteras dan memerangi rasuah melalui penulisan di blog masing-masing. Ini adalah anjakan penting SPRM dalam memelihara dan meraih sokongan masyarakat terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah di Negara ini.

FRENZ OF MACC (FoMACC)

Frenz of MACC atau FoMACC adalah medium yang dirangka sebagai satu agen komunikasi SPRM dengan masyarakat di mana e-mel dan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) digunakan dalam menyalurkan maklumat terkini, tepat dan benar kepada semua individu yang berdaftar dengan FoMACC di mana ia kini mempunyai seramai 1,439 ahli daripada 45 kategori.

Melalui sistem FoMACC ini, pihak UKK telah menyediakan profil *key-communicators* yang komprehensif yang didaftarkan sebagai ahli kepada FOMACC ini seperti Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Politik, Kelima-lima Ahli Lembaga/Jawatankuasa/Panel SPRM, Ketua Pegawai Eksekutif GLC/GOC, Naib Canselor, Pensyarah-pensyarah, Bekas pegawai BPR/SPRM, Kedutaan Asing, Wakil-wakil Perdagangan Asing, Ahli-ahli Parlimen/ADUN, Persatuan-Persatuan Asing di Malaysia, *Blogger*, NGO's, Pengarang Media, Wartawan dan lain-lain lagi.

FoMACC yang dibangunkan ini berupaya menyampaikan mesej, informasi mahu pun berita ringkas kepada penerima dengan pantas dengan hampir tiada kos yang diperlukan. Profil *key-communicators* yang telah disegmentasikan supaya hanya mesej, berita atau informasi yang relevan sahaja dihantar kepada kategori *key-communicators* yang berkenaan. Ini memudahkan maklumat disampaikan dengan tepat kepada mereka yang berkenaan. FoMACC ini berupaya menjadi satu medium paling efektif dalam menyampaikan maklumat dan berita kepada individu atau kumpulan tertentu melalui penambahbaikan dari segi teknikal pada tahun 2011 nanti.

Melalui FoMACC, sebanyak 35,700 khidmat pesanan ringkas telah dihantar kepada ahlinya sejak mula dilancarkan pada 23 Mac 2010.





FACEBOOK

UKK juga mengambil usaha inovatif dengan menyediakan saluran komunikasi secara langsung antara SPRM dengan masyarakat menerusi laman sosial Facebook yang mana sehingga Disember 2010, fan bagi Facebook SPRM telah mencapai 10,105 orang dan perbincangan di dinding paparan (*wall*) Facebook ini mencapai sehingga lebih 9,000 kali tatapan (*views*) dalam sehari melibatkan purata bulanan lebih 3,500 orang menyertai perbincangan setiap isu di Facebook ini.

Melalui Facebook, berita terkini mahupun isu semasa berkaitan SPRM dimaklumkan kepada orang ramai. Malah, topik perbincangan yang sentiasa dikemas kini pada setiap hari serta maklum balas segera terhadap soalan yang diutarakan mengundang lebih ramai peminat SPRM serta orang ramai untuk memberikan pandangan dan menyuarakan pendapat. Semua pandangan dan komen yang diberikan dianggap penting demi penambahbaikan imej dan persepsi orang ramai terhadap SPRM. Malah, ada juga maklumat berhubung rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan dimaklumkan melalui Facebook SPRM. Ini membuktikan bahawa kepercayaan orang ramai terhadap SPRM semakin bertambah.

PORTAL RASMI SPRM

UKK juga menggunakan medium portal rasmi SPRM (www.sprm.gov.my) bagi menyalurkan aktiviti dan isu-isu semasa SPRM. Portal dwi bahasa ini juga memaparkan pelbagai input terkini dari SPRM negeri dan bahagian. Malahan melalui portal ini masyarakat boleh mendapatkan maklumat seperti berita terkini, kejayaan SPRM, keputusan kes-kes mahkamah, data pesalah rasuah, statistik tangkapan tahunan dan bulanan serta pihak UKK sentiasa mengemaskini kenyataan akhbar meliputi maklum balas terkini dari SPRM, laporan kes-kes mahkamah dan tangkapan. Portal juga turut memaparkan capaian ke media sosial lain iaitu Facebook dan blog rasmi SPRM.





YOUTUBE, TWITTER DAN FLICKR

Bagi memperluaskan sebaran mesej pencegahan rasuah dan mendekati pelbagai lapisan masyarakat UKK turut menggunakan medium sosial lain iaitu Youtube (www.youtube.com/odvmacc), Twitter (www.twitter.com/odvmacc) dan Flickr (www.flickr.com/ourdifferentview). Capaian tinggi golongan muda terhadap media sosial ini membuatkan UKK turut menggunakan untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat. Petikan-petikan ucapan Pengurusan Tertinggi dan tokoh-tokoh berkaitan rasuah turut dimuatkan ke dalam Youtube.

• Analisis Berita

Peningkatan Imej Dan Persepsi Positif Terhadap SPRM

Pada tahun 2010, pemaparan berita di media-media utama seperti media cetak (akhbar) dan media elektronik termasuk radio dan televisyen berkaitan SPRM telah meningkat dengan mendadak di mana hebahan berbentuk negatif telah berjaya dikurangkan.

Sepanjang bulan tahun 2010, terdapat penurunan dari segi hebahan negatif terhadap SPRM, baik dari segi laporan di akhbar-akhbar dan juga media-media elektronik seperti televisyen dan radio.


Hebahan Negatif

Hebahan negatif merupakan hebahan yang berbentuk kritikan, tohmahan serta artikel yang memaparkan tentang kelemahan SPRM. Penurunan hebahan negatif ini boleh dilihat melalui perbezaan statistik setengah tahun bagi tahun 2010 seperti di carta 8.

Pada setengah tahun pertama, hebahan negatif terhadap SPRM adalah sebanyak 119 hebahan, manakala bagi setengah tahun kedua pula ianya telah menurun kepada 93 hebahan negatif.

Dalam tempoh penubuhan yang tidak sampai setahun, telah banyak hebahan negatif yang berjaya dikawal. Dengan pelbagai perjumpaan dengan pihak media, kempen serta penulisan artikel yang menjelaskan berhubung sesuatu isu, ia telah berjaya mengubah persepsi masyarakat terhadap SPRM melalui pendekatan yang digunakan.


CARTA 8 : Analisa Media Berdasarkan Tona, Positif, Negatif dan Neutral Sepanjang Tahun 2010



Hebahan Positif

Hebahan positif merupakan hebahan yang memaparkan kejayaan-kejayaan SPRM contohnya seperti tangkapan, siasatan serta aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh SPRM. Untuk setengah tahun pertama iaitu dari Januari hingga Jun 2010, hebahan berbentuk positif yang dipaparkan dalam media cetak dan elektronik adalah sebanyak 573 hebahan. Manakala bagi setengah tahun kedua iaitu dari Julai hingga Disember 2010, terdapat 482 hebahan positif berhubung SPRM dipaparkan di media massa. Jumlah keseluruhan hebahan positif sepanjang tahun 2010 ialah 1,055 seperti di carta 9.

CARTA 9 : Hebahan Positif



Hebahan positif ini adalah hasil usaha berterusan SPRM menyiaran artikel berkenaan dari semasa ke semasa serta perjumpaan dengan pihak media yang diadakan secara berkala bagi memaklumkan kepada masyarakat berhubung aktiviti serta informasi terkini daripada SPRM.

Penubuhan medium komunikasi secara maya seperti Facebook, Blog SPRM, Youtube, Flickr, Frenz of MACC (FoMACC) juga banyak membantu dalam memberi input terkini kepada masyarakat. Seterusnya membantu terhadap peningkatan hebahan positif terhadap Suruhanjaya ini.

DIMENSI ANTARABANGSA



PENCAPAIAN ANTARABANGSA

JENAYAH RASUAH ADALAH MASALAH GLOBAL YANG PERLU DITANGANI SECARA BERSAMA OLEH SELURUH MASYARAKAT ANTARABANGSA KERANA RASUAH BUKAN LAGI ISU DOMESTIK SESEBUAH NEGARA.

Komunikasi, transaksi dan kolaborasi merentasi sempadan menjadikan rasuah jenayah kompleks yang tidak boleh dikendalikan secara berasingan oleh sesebuah negara. Harus diakui wujudnya keperluan kritikal untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa supaya isu rasuah dapat diatasi secara menyeluruh dan bersepadau. SPRM bukan sahaja turut terlibat dalam arus perdana ini tetapi juga menyumbang kepada perkongsian pengetahuan di peringkat antarabangsa terutamanya kepakaran dalam pelbagai bidang melalui medium mesyuarat dan persidangan.

Hasil daripada perkongsian tersebut, banyak negara telah menjemput SPRM untuk membuat pembentangan kertas kerja, menghantar pegawai mereka menjalani latihan di MACA dan menyandarkan pegawai mereka di beberapa Bahagian SPRM. Selain itu, Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan pelbagai persidangan dan mesyuarat antarabangsa. Ketua Pesuruhjaya SPRM turut dilantik sebagai ahli badan pencegahan rasuah antarabangsa dan ahli dalam dua badan antarabangsa. Perjanjian persefahaman juga banyak dimeterai oleh Malaysia dengan negara-negara lain. Semua ini menggambarkan keyakinan masyarakat antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah.

- **Perlantikan Dan Keahlian Dalam Badan Antarabangsa**

1st International Anti-Corruption Academy (IACA) International Academic Advisory Board Meeting, Vienna, Austria

IACA adalah inisiatif bersama United Nations Office On Drugs and Crime (UNODC), Republik Austria, European Anti-Fraud Office (OLAF) dan lain-lain *stakeholders* untuk mencegah rasuah melalui penghasilan modul yang menggabungkan kepakaran dan pengalaman pelbagai negara, agensi dan organisasi.

SPRM merupakan salah satu daripada agensi yang diminta untuk menyumbangkan kepakarannya dalam pembentukan modul berkenaan. Keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap SPRM terbukti dengan perlantikan Y. Bhg. Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM sebagai salah seorang daripada *International Academic Advisory Board* di IACA yang bertanggungjawab memberi nasihat ke atas pembangunan kurikulum dan menentukan struktur akademik IACA. Mesyuarat pertama Lembaga ini telah diadakan pada 10 hingga 12 Jun 2010 dan dihadiri oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.

***International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) Executive Meeting,
Salvador, Brazil***

Y.Bhg. Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Eksekutif IAACA dan terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pencegahan rasuah yang dianjurkan oleh IAACA. Pada 9 hingga 11 April 2010, IAACA *Executive Committee Meeting* telah diadakan di Salvador, Brazil.

***6th Secretariat Meeting of South East Asia Parties Against Corruption (SEAPAC),
Hanoi, Vietnam***

SEAPAC adalah forum yang menghimpunkan agensi-agensi pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam aspek pencegahan rasuah serta memupuk jalinan kerjasama di kalangan agensi-agensi berkenaan. Keyakinan SEAPAC terhadap SPRM terserlah apabila diberikan penghormatan sebagai Sekretariat Tetap bagi *Meeting of Parties to the Memorandum of Understanding on Preventing and Combating Corruption* yang diwujudkan di bawah inisiatif SEAPAC. Melalui peranan ini, SPRM telah secara aktif membantu memantapkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif SEAPAC sekaligus mendokong negara-negara ahli untuk mengukuhkan keupayaan mereka di dalam usaha pencegahan rasuah demi manfaat serantau.

● **Pembentangan Kertas Kerja**

The 4th IAACA Annual Conference and General Meeting, Macau, China

Pembentangan dua kertas kerja dalam *4th IAACA Annual Conference and General Meeting* pada 2 hingga 6 November di Macau, China menyerlahkan keyakinan pengajur terhadap kewibawaan SPRM dalam menangani isu rasuah di rantau ini kerana hanya Malaysia sahaja menghantar dua orang pembentang kertas kerja dalam persidangan berkenaan.

Di dalam Sesi III Persidangan tersebut, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah diberikan mandat untuk membentangkan kertas kerja bertajuk *International Cooperation* yang berkaitan dengan *Article 43 International Cooperation Chapter IV UNCAC*. Kepercayaan yang diberikan kepada Malaysia dan SPRM khususnya adalah suatu penghormatan terhadap pengalaman dan kepakaran negara ini yang telah lebih 44 tahun berjuang menentang rasuah. Manakala dalam Sesi IV pula, Y.B. Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan kertas kerja bertajuk *International Cooperation in Combating Corruption* yang juga berkaitan dengan *Article 43 International Cooperation Chapter IV UNCAC*.

Seminar Integriti dalam Perkhidmatan Awam, Brunei Darussalam

Pada 4 Mac 2010, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk Integriti Dalam Perkhidmatan Awam dalam seminar ini.

5th Multi Country Study Mission on Public Governance, Republik Korea

Pada 6 Oktober 2010, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Best Practices of Anti-Corruption Policy and Efforts to Raise Integrity and Transparency in Major Countries*. Pembentangan kertas kerja juga telah dilakukan oleh Y.Bhg. Dato' Hjh. Sutinah Binti Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM dengan tajuk *Anti-Corruption Mechanism to Enhance Transparency, Integrity and Accountability in Public Administration: The Malaysian Experience*.

14th International Anti-Corruption Conference (IACC), Bangkok, Thailand

Pada 11 November 2010, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Follow the Money to Curb Forest* di 14th International Anti-Corruption Conference (IACC), Bangkok, Thailand.

Conference on Building Strategic Anti-Corruption Partnership in the Arab Region and the Regional Workshop on Anti-Corruption Agencies, Amman, Jordan

Pada 28 Oktober 2010, Pj Hj. Mustafar Bin Ali, Pengarah Bahagian Siasatan SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Anti-Corruption Agencies: International Standards and Practical Experiences – Malaysian Perspectives* di Persidangan dan Workshop anjuran The United Nations Development Programme (UNDP) dengan kerjasama Jordanian Anti-Corruption Commission, the Hashemite Kingdom of Jordan.

Conference of the Arab Anti-Corruption Integrity Network, Sana'a Republic of Yemen

Pada 27 Julai 2010, Pj Hj. Mustafar Bin Ali, Pengarah Bahagian Siasatan SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Strengthening Integrity and Combating Corruption: Malaysian Experience* di Persidangan dan Bengkel anjuran The United Nations Development Programme (UNDP) dengan kerjasama The Supreme National Authority on Anti-Corruption Commission (SNAAC).

10th Regional Seminar of the ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific, Kuala Lumpur

Pada 23 September 2010, Pj Han Chee Rull, Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Challenges in Establishing and Applying Domestic and Foreign Bribery Offences in Malaysia*.

Pada 24 September 2010, Pj Hj. Mustafar Bin Ali, Pengarah Bahagian Siasatan SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *The MACC's Use of Special Investigative Techniques in the Investigation of Bribery Cases*.

Dalam seminar ini juga, Dato' Hjh. Sutinah Binti Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM turut membentangkan kejayaan "Fight The Giver Campaign" yang dijalankan oleh SPRM.



Peserta 10th. Regional Seminar Criminalisation of Bribery

South East Asia Parties Against Corruption Annual Meeting and Forum on Implementation of UNCAC, Siemreap, Cambodia

Pada November 2010, Y.Bhg. Dato' Ahmad Khusairi Bin Yahaya, Pengarah Unit Komunikasi Korporat, SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Gaining Public Support via Social Media*.

Pada November 2010, PPj Abdul Razak Bin Hamzah daripada Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Perancangan, SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Implementation of UNCAC in Malaysia*.

- Komen Positif Individu Dan Badan Antarabangsa**

Mr. Tran Van Truyen, Ketua Inspektorat, Government Inspectorate of Vietnam (GIV)

Selepas menandatangani perjanjian persefahaman dengan SPRM, Mr. Tran Van Truyen, Ketua Inspektorat GIV memberikan komennya "SPRM adalah antara agensi terbaik memerangi rasuah dan menjadi contoh kepada kita untuk mendapatkan kepakaran dan belajar dengan SPRM".

Mario Amano, Deputy Secretary-General Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)

Semasa menyertai 10th Regional Seminar of the ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific di Kuala Lumpur pada 23 hingga 24 September 2010, Mario Amano, Timbalan Setiausaha Agung OECD telah memberi komen "Kami kagum dengan kemajuan Malaysia yang menunjukkan langkah yang tepat dalam menangani jenayah pemberian dan penerimaan rasuah serta mengenakan hukuman penjara dan denda untuk individu dan syarikat".

• Perjanjian Persefahaman

Perjanjian Persefahaman antara SPRM dan Government Inspectorate of Vietnam (GIV)

Pada 2 April 2010, Y.Bhg. Dato' Sri Hj. Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Mr. Tran Van Truyen, Ketua Inspektorat GIV, telah menandatangani perjanjian persefahaman antara SPRM dan GIV bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang latihan, siasatan dan pencegahan rasuah.

• Surat Niat

Persefahaman Antara SPRM dan Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong

Pada 30 Julai 2010, Y.Bhg. Datuk Mohd Shukri Bin Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM dan Mr. Daniel Li Ming-Chak, Timbalan Pesuruhjaya, ICAC Hong Kong telah menandatangani Perjanjian Persefahaman melibatkan SPRM dan ICAC Hong Kong.

Persefahaman Antara Malaysia Anti-Corruption Academy (MACA) dan International Anti-Corruption Academy (IACA)

Pada 30 Julai 2010, Y.Bhg. Dato' Samrajoo Manikam, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dan Mr. Martin Kreutner, Pengerusi International Steering Committee, IACA telah bersetuju bekerjasama dalam bidang latihan dan penyelidikan melibatkan pencegahan rasuah.

• Perkongsian Pengetahuan Dan Kepakaran

Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)

APEC yang dianggotai oleh 21 negara dunia mewakili 40.5% populasi, 54.2% GDP dan 43.7% nilai dagangan di dunia. Kapasiti tersebut menjadikan APEC sebuah forum penting yang menjadi pemudahcara kepada pakatan ekonomi, perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Akur bahawa rasuah adalah halangan kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kos perniagaan, APEC telah mewujudkan *Anti-Corruption and Transparency Experts Task Force (ACT)*.

Inisiatif ini bertujuan menyelaras pelaksanaan pelbagai tindakan ke arah pencegahan rasuah selain memupuk keutuhan dalam amalan ekonomi dan urus tadbir di rantau Asia Pasifik. Sejak ia ditubuhkan pada tahun 2005, SPRM telah secara aktif bersama negara-negara lain membincang dan mengemukakan pandangan bagi memantapkan komitmen pencegahan rasuah di dalam penghasilan *mid-term work plan 2010 – 2015*. Keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap inisiatif-inisiatif SPRM terserlah apabila cadangan supaya negara-negara ahli memberi perhatian kepada usaha penambahbaikan di dalam perkongsian antara sektor awam dan swasta serta urus tadbir terbaik di dalam organisasi bukan berasaskan keuntungan telah diterima baik dan bakal diterima sebagai salah satu daripada empat perkara yang akan dilaksanakan di dalam tempoh lima tahun itu.

United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)

UNCAC adalah satu-satunya instrumen antarabangsa yang mempunyai implikasi perundangan dan mengikat komitmen negara-negara ahli supaya melaksanakan langkah-langkah pencegahan rasuah melalui pelaksanaan undang-undang, institusi dan amalan ke arah memupuk pencegahan, penjenayahran rasuah dan penguatkuasaan undang-undang, kerjasama dalaman, bantuan teknikal dan pertukaran maklumat, pengesanan aset serta mekanisme bagi pelaksanaan usaha pencegahan rasuah. Ratifikasi Malaysia di dalam UNCAC membawa impak yang besar di dalam penyatuan kerjasama pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa dan penglibatan aktif SPRM dalam tahun 2010 adalah seperti berikut:-

- a. *Conference of State Parties (COSP) to the UNCAC* pada 9 hingga 13 November 2009 di Doha, Qatar telah mempersetujui mekanisme pemantauan pelaksanaan Konvensyen berkenaan. Sebagai susulan, *Inaugural Meeting of the Implementation Review Group of the UNCAC* telah diadakan pada 30 Jun hingga 2 Julai 2010 dan pada 29 November hingga 1 Disember 2010 di Vienna, Austria. SPRM yang turut mewakili Malaysia ke mesyuarat berkenaan telah terlibat dalam penyediaan terma rujukan bagi pelaksanaan mekanisme pemantauan selain telah membantu UNCAC mengenalpasti tujuh orang pakar antarabangsa untuk menganggotai jawatankuasa pemantau.
- b. Empat agenda utama di bawah ratifikasi UNCAC adalah pencegahan rasuah, penjenayahran kesalahan rasuah, kerjasama antarabangsa dan pengesanan aset. Bagi menyelaraskan pelaksanaan agenda-agenda berkenaan, beberapa kumpulan kerja telah ditubuhkan. *Meeting of the Working Group on the Prevention and Asset Recovery of the UNCAC* yang diadakan pada 13 hingga 17 Disember 2010 di Vienna, Austria telah memberi fokus kepada agenda pencegahan dan pengesanan aset.

15th Steering Group Meeting and Regional Seminar on Criminalisation of Bribery of the ADB/OECD.



• **Penganjuran Mesyuarat Dan Persidangan Antarabangsa**

15th Steering Group Meeting and Regional Seminar on Criminalisation of Bribery

Negara-negara di Asia Pasifik melalui jalinan kerjasama antarabangsa sepakat menggembung usaha memerangi rasuah dengan mewujudkan pelan tindakan pencegahan rasuah *Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific* di bawah kepimpinan bersama ADB dan OECD.

Pelan tindakan ini menegaskan matlamat dan piawaian khusus bagi mengekalkan kekalisan terhadap rasuah di dalam ruang ekonomi, politik dan sosial di kalangan negara serantau. Keyakinan ADB/OECD terhadap SPRM dapat dilihat dengan pemilihannya sebagai tuan rumah bagi *15th Steering Group Meeting and Regional Seminar on Criminalisation of Bribery of the ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific* yang berlangsung pada 22 hingga 24 September 2010 di Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat ini, Y.Bhg. Dato' Hjh. Sutinah Binti Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM turut membentangkan satu kertas bertajuk *Offence of Giving Gratification to an Agent* (MACC Act 17(b) 2009).

Penganjuran mesyuarat dan seminar ini adalah isyarat komitmen Malaysia yang serius memerangi rasuah di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa. Tidak setakat menganjurkan mesyuarat, Malaysia yang diwakili oleh SPRM telah mengambil bahagian secara aktif di dalam seminar untuk menilai kemajuan pelan tindakan yang telah digariskan dan merumuskan keberkesanan pelaksanaan inisiatif berkenaan. Maklum balas yang diterima sepanjang mesyuarat adalah sangat positif dan memartabatkan Malaysia di tempat yang tersohor di kalangan agensi penguatkuasaan undang-undang pencegahan rasuah luar negara.

European Union (EU) dan Organization of the Islamic Conference (OIC)

Untuk menangani permasalahan rasuah secara menyeluruh di peringkat antarabangsa, SPRM bukan sahaja perlu mengintai setiap ruang dan peluang pencegahan rasuah yang ada di luar negara, malah perlu memfokuskan kepada aktiviti rasuah bersifat antarabangsa yang berkemungkinan berlaku di peringkat domestik. Bagi memastikan pendekatan yang seimbang, di antara strategi SPRM adalah untuk menarik penglibatan kedutaan luar negara di Malaysia dalam aktiviti pencegahan rasuah, seminar, ceramah, perbincangan dan perjumpaan selain memupuk keyakinan mereka terhadap usaha Malaysia untuk mewujudkan suasana perniagaan yang bebas rasuah. Susulan daripada itu, sesi *Luncheon Talk on Anti Corruption Efforts in Malaysia* telah diadakan di Kuala Lumpur pada 20 Mei dan 14 Disember 2010. Wakil dari EU dan OIC telah menghadiri sesi berkenaan antaranya H.E. Vincent Piket, Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia; Eszter Nemeth, Setiausaha Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia; serta duta Republik Czech, Austria, Germany, Slovak Republic, Italy, Finland, Belgium, Romania, Netherlands, Sweden, France, Spain, Denmark, Ireland dan Poland. Kesudian para peserta hadir dalam *Luncheon Talk* ini mencerminkan keyakinan dan sokongan mereka terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh Malaysia.

• Sandaran Pegawai Luar Negara Di SPRM

Delegasi Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam

Pada 21 hingga 23 April 2010 seramai tiga pegawai dari Biro Mencegah Rasuah (BMR) Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Ketua Bahagian Pendidikan BMR, Hj. Meraj Bin Hj. Ahmad telah mengadakan lawatan sambil belajar selama tujuh hari di Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas), Ibu Pejabat SPRM. Delegasi telah didedahkan dengan aspek penerbitan terutamanya pendekatan penyaluran maklumat anti rasuah kepada masyarakat yang menggunakan bahan-bahan kreatif dalam bentuk audio visual. Mereka turut diberikan tunjuk ajar mengenai pelaksanaan tugas-tugas pengeditan bahan-bahan penerbitan dan proses penghasilan produksi video. Di samping itu, delegasi daripada BMR juga telah diberi peluang untuk mendekati peranan mereka bentuk grafik dalam menghasilkan bahan penerbitan berbentuk poster dan risalah. Susulan kepada sesi pembelajaran itu, dua orang pegawai dari Bahagian PenMas telah dijemput untuk mengendalikan Bengkel Perisian Final Cut Pro di BMR bagi membantu pegawai-pegawai agensi berkenaan dan agensi-agensi kerajaan lain di Negara Brunei Darussalam untuk menghasilkan bahan-bahan kempen pencegahan rasuah dalam bentuk audio visual yang lebih menarik dan efektif.

Delegasi The Government Inspectorate of Vietnam

Delegasi daripada The Government Inspectorate of Vietnam yang disandarkan di SPRM dari 19 hingga 26 Disember 2010 telah diberikan pendedahan mengenai prosedur siasatan, pendakwaan, pencegahan dan pengurusan integriti. Delegasi juga diberikan penjelasan mengenai fungsi dan operasi MACA dan bagaimana mereka boleh memanfaatkan kursus-kursus yang ditawarkan oleh MACA kepada peserta dari luar negara. Antara perkara lain yang turut dipelajari oleh delegasi adalah mengenai mekanisme perlindungan kepada '*whistle blowers*' dan strategi komunikasi SPRM yang menggunakan pelbagai pendekatan yang berkesan.

Delegasi Komisi Pemberantasan Rasuah (KPK) Indonesia

Sandaran seramai sembilan orang pegawai dari Komisi Pemberantasan Rasuah (KPK) Indonesia selama tujuh hari dari 28 Jun hingga 7 Julai 2010 telah diisi dengan pelbagai ruang untuk mempelajari secara mendalam teknik-teknik perisikan yang dilaksanakan oleh Bahagian Perisikan SPRM. Sesi pembelajaran dimulai dengan pendedahan terhadap aspek pengurusan rekod dan maklumat serta diikuti dengan penjelasan mengenai pelbagai aspek teknikal yang terlibat dalam tugas-tugas risikan.

Lawatan Delegasi Luar Negara ke SPRM.



• Lawatan Delegasi Luar Negara Ke SPRM

SPRM SEBAGAI SALAH SEBUAH AGENSI PENCEGAHAN RASUAH YANG SENTIASA MENJADI TEMPAT RUJUKAN, BERKONGSI PENGALAMANNYA DALAM MEMERANGI RASUAH DENGAN ORGANISASI - ORGANISASI LAIN DI PERINGKAT ANTARABANGSA. DALAM TAHUN 2010, SERAMAI 145 ORANG DELEGASI DARI 12 BUAH NEGARA DAN BADAN ANTARABANGSA TELAH MELAWAT SPRM.

Lawatan Delegasi Antarabangsa Ke Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

MACA sebagai Institut Latihan Awam yang bertaraf antarabangsa, telah melangkah maju ke hadapan dengan menjalin usahasama dengan pelbagai agensi dari dalam dan luar negara. Ini penting bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala dalam usaha menangani gejala rasuah. Sepanjang tahun 2010, beberapa delegasi dari pelbagai organisasi antarabangsa dan tempatan seperti di Jadual 18, telah mengadakan lawatan kerja ke MACA.

JADUAL 18 : Lawatan Delegasi Antarabangsa ke Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

BIL	TARIKH	DELEGASI
1	15 Mac 2010	<i>National Anti-Corruption Commission (NACC) Thailand</i>
2	2 April 2010	<i>Government Inspectorate of Vietnam</i>
3	3 Ogos 2010	<i>Commission On Human Rights And Administrative Justice (CHRAJ) Ghana</i>
4	21 September 2010	Delegasi Hong Kong
5	23 September 2010	Delegasi Thailand
6	27 September 2010	Delegasi Timur Leste
7	15 November 2010	<i>Commission of Integrity (ACINET) Iraq</i>
8	18 November 2010	Republic of Kyrgyz

Lawatan kerja tersebut bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi berkaitan visi, misi, objektif dan fungsi MACA, kursus-kursus antarabangsa yang dianjurkan oleh MACA serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di MACA. Kebanyakan daripada delegasi yang membuat lawatan kerja ke MACA telah menyatakan hasrat dan minat mereka untuk mengikuti kursus-kursus antarabangsa anjuran MACA.

Pegawai Kanan SPRM menerima lawatan delegasi
Government Inspectorate of Vietnam (GIV).



PROFESSIONALISME



Akauntabiliti & Profesionalisme

"Accountability breeds response-ability."

Stephen R. Covey

"Professionalism is knowing how to do it, when to do it, and doing it."

Frank Tiger

SPRM seringkali menjadi rujukan kepada jabatan dan agensi Kerajaan apabila memperkatakan soal integriti dan akauntabiliti. Manakala masyarakat pula sentiasa mengharapkan profesionalisme SPRM dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Justeru bagi memastikan matlamat ini tercapai, beberapa program berkaitan telah dilaksanakan pada tahun 2010.

• Program *Integrity Testing*

SPRM MENGGUNAKAN KADEAH *INTEGRITY TESTING* BAGI MENGUJI TAHP KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATANNYA.

Pada tahun 2010, SPRM telah menggunakan kaedah panggilan misteri sebagai salah satu program *integrity testing* bagi menguji sejauh mana keberkesanan dan kecekapan SPRM dalam mengendalikan perkhidmatan pelanggan. Panggilan telefon telah dibuat kepada semua pejabat SPRM Negeri dan Cawangan bagi menguji integriti dan kecekapan pegawai dalam menjawab panggilan telefon daripada pelanggan. Aspek yang dinilai adalah perkhidmatan yang mesra, tempoh masa menunggu, kecepatan tindakan dan tahap pengetahuan serta kemahiran memberi penerangan kepada pelanggan.

Hasil ujian yang dijalankan mendapati tahap kecekapan pegawai SPRM dalam menjawab panggilan telefon telah meningkat berbanding hasil ujian yang dijalankan pada tahun 2009. Didapati kecekapan dan keberkesanan SPRM mengendalikan perkhidmatan pelanggan telah meningkat daripada tahap memuaskan kepada tahap baik bagi tahun 2010.

• Pengurusan Pematuhan

BAGI MEMASTIKAN ORGANISASI YANG DINAMIK DAN CEMERLANG, PENGURUSAN PEMATUHAN MENJADI SUATU ELEMEN YANG PENTING DALAM MEMBUDAYAKAN TADBIR URUS TERBAIK DI SPRM.

Pada tahun 2010, SPRM memberi tumpuan kepada aspek meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) SPRM. *Self Assessment Audit* dilakukan sendiri oleh Pegawai Pegawal di PTJ masing-masing ke atas prestasi pengurusan kewangan berdasarkan senarai semak yang disediakan oleh Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Seterusnya audit pematuhan telah dijalankan oleh Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP) untuk memastikan penilaian yang dibuat adalah selaras dengan peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa. Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati tahap kecekapan dalam pengurusan kewangan telah berjaya ditingkatkan, manakala wujud kesedaran dan komitmen terutama kepada semua Pegawai Pegawal di 21 PTJ SPRM mengenai kepentingan mengendalikan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan.

Selain menjalankan audit pematuhan ke atas pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dijalankan untuk memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Pada tahun 2010, SPRM telah melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas pengendalian barang kes oleh semua pejabat SPRM Negeri. Hasil pemeriksaan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya urusan pengendalian barang-barang kes di pejabat SPRM Negeri adalah baik dan mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dibuat terutamanya berkaitan dengan pengurusan barang-barang kes berharga dan kaedah penyimpanan yang teratur.

• Pengurusan Tatakelakuan

PENGURUSAN TATAKELAKUAN MERUPAKAN SALAH SATU USAHA KE ARAH PEMANTAPAN DISIPLIN DALAM PERKHIDMATAN SPRM YANG BERMATLAMAT MEMBANGUNKAN MODAL MINDA MINDA KELAS PERTAMA.

SPRM sebagai agensi penguatkuasa sentiasa mengutamakan disiplin yang ketat dan tingkah laku yang mantap di kalangan pegawai dan kakitangan. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Aduan SPRM berperanan sebagai satu mekanisme yang memantau pengendalian aduan mengenai salah laku pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah. Jawatankuasa Aduan SPRM yang ditubuhkan melalui peruntukan Seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 juga bertanggungjawab mengenalpasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja dan membuat syor yang difikirkan perlu. Sepanjang tahun 2010, Jawatankuasa ini telah memantau tindakan ke atas sejumlah 61 aduan atau maklumat yang diterima berbanding sebanyak 67 aduan pada tahun 2009.

Daripada 61 aduan yang diterima, sebanyak 59 (96.7%) aduan diambil tindakan siasatan manakala dua (3.3%) aduan difailkan (NFA). Siasatan menghasilkan 10 Kertas Lembaga Tatatertib dan 10 Surat Amaran Pentadbiran.

Sepanjang tahun 2010, pelaksanaan Hukuman Tatatertib membabitkan 29 kes iaitu Bebas - dua kes (6.9%), Amaran - 12 kes (41.4%), Denda - satu kes (3.5%), Lucut Hak Emolumen - tiga kes (10.3%), Tangguh Pergerakan Gaji - lima kes (17.2%), Turun Pangkat - satu kes (3.5%) dan Buang Kerja - lima kes (17.2%).

Kewujudan Jawatankuasa Aduan SPRM sendiri menggambarkan ketelusan SPRM menangani kes-kes salah laku pegawai dan telah memberi keyakinan kepada masyarakat untuk membuat aduan ke arah memantapkan akauntabiliti dan profesionalisme pegawai SPRM.



• Pemilikan dan Pengisytiharan Harta

PEMANTAUAN KE ATAS KEUPAYAAN PEGAWAI MEMBIAYAI KEHIDUPAN DILAKUKAN MELALUI PEMILIKAN HARTA DAN PEROLEHAN PENDAPATAN.

Pada tahun 2010, sejumlah 467 pegawai dan kakitangan SPRM telah mengisyiharkan pemilikan harta masing-masing mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 dan selaras dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Daripada jumlah tersebut 173 (37.1%) orang mengisyiharkan harta untuk kali pertama, 293 (62.7%) orang bagi harta tambahan dan seorang (0.2%) berkaitan pelupusan harta. Keseluruhannya 2,260 warga SPRM telah mengisyiharkan harta.

SPRM juga membuat pemantauan ke atas pemotongan pendapatan pegawai dan memastikan tidak berlaku potongan gaji melebihi 60% daripada emolumen. Tindakan ini diambil untuk memastikan pegawai SPRM bebas dari keterutangan kewangan yang serius. Sebagai langkah pencegahan, SPRM dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah melaksanakan siri taklimat berkaitan pengurusan kewangan dan kredit kepada semua warga SPRM di Semenanjung Malaysia.

• Pembudayaan Inovasi Dan Kreativiti

KEKUATAN MODAL INSAN YANG ADA DI DALAM ORGANISASI SPRM HARUS DIMOBILISASIKAN DAN DIGEMBLENG DENGAN SEPENUHNYA AGAR BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI YANG BERASASKAN INOVASI DAN KREATIVITI DAPAT DITERAPKAN.

SPRM telah menyahut seruan Kerajaan dalam membudayakan inovasi dan kreativiti dalam penyampaian perkhidmatan. Seiring dengan kemajuan teknologi, SPRM turut mengambil peluang dengan mewujudkan saluran teknologi media baru seperti Sistem Elektronik Kawalan Belanjawan (ESPD), Sistem Tapisan Keputusan (ESTK), Frenz of MACC, Facebook, Blog, Youtube, Flickr, dan Twitter. Pada 26 April 2010, Jawatankuasa Pemandu Inovasi SPRM telah ditubuhkan yang bertanggungjawab menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea inovatif dan kreatif. Sebagai langkah permulaan sebanyak 29 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah ditubuhkan mewakili Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Negeri-Negeri. KIK merupakan mekanisme pengurusan yang berkesan untuk membina modal insan dalam SPRM yang berketrampilan tinggi bagi merealisasikan aspirasi SPRM untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam menyampaikan perkhidmatan.

Pada 8 November 2010, SPRM buat julung kalinya telah menganjurkan Konvensyen KIK SPRM yang mempertandingkan hasil inovatif dan kreatif oleh lapan kumpulan KIK yang melepas peringkat saringan. Sehubungan itu SPRM telah mengadakan sambutan Hari Inovasi SPRM bertemakan "Inovasi Menjana Transformasi" pada 9 November 2010 bagi mengiktiraf dan menghargai warga SPRM dalam penghasilan idea-idea inovatif dan kreatif. Pada hari tersebut, dua Anugerah Inovasi SPRM telah diperkenalkan iaitu Kategori Inovasi Perkhidmatan dan Kategori Pengurusan Kewangan Terbaik.



Salah sebuah pasukan KIK sedang membentangkan hasil inovatif sempena Konvensyen KIK SPRM.

• Penarafan *Star Rating* Oleh MAMPU

PROGRAM PENILAIAN *STAR RATING* SEKTOR AWAM MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF UTAMA TRANSFORMASI SEKTOR AWAM. PENILAIAN *STAR RATING* BERTUJUAN MEWUJUDKAN BUDAYA KECEMERLANGAN BERTERASKAN PRESTASI MELALUI PERSAINGAN SIHAT DI KALANGAN AGENSI SEKTOR AWAM.

Tahap kecekapan dan kecemerlangan SPRM dalam meningkatkan produktiviti dan sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam khususnya telah dinilai melalui program *Star Rating* agensi sektor awam yang dikendalikan oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). SPRM adalah antara 22 agensi kerajaan yang dinilai pada tahun 2010 berdasarkan kriteria pengurusan, pengurusan teras dan pengurusan pelanggan.

Hasil penilaian yang dijalankan, SPRM telah diberikan penarafan tiga bintang bersama-sama dengan 12 agensi kerajaan yang lain. SPRM didapati cemerlang dalam kriteria pengurusan projek pembangunan dan pengurusan ICT. SPRM juga didapati cemerlang berkaitan kriteria pengurusan pelanggan dan pengurusan aduan. Usaha sedang dilaksanakan oleh SPRM supaya mencapai penarafan lima bintang.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

..."Adalah menjadi harapan kami bahawa MACA akan melengkapkan pegawai-pegawai pencegahan rasuah di rantau ini dengan pengetahuan yang luas dan teknik terkini untuk membanteras rasuah. Sesungguhnya kami berharap MACA akan menerajui usaha-usaha untuk membanteras rasuah dan seterusnya menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan latihan pencegahan rasuah di rantau ini. Inilah satunya sumbangan Malaysia kepada komuniti antarabangsa dan khususnya ke arah merealisasikan sebuah dunia yang harmoni dan makmur, bebas dari gejala-gejala rasuah"...

**Datuk Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi,
Mantan Perdana Menteri Malaysia
dalam Majlis Perasmian Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
pada 12 April 2007**

(diterjemahkan daripada teks ucapan asal Bahasa Inggeris)

Penubuhan MACA bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai-pegawai SPRM serta menjadi pusat serantau bagi usaha meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam pembenteraan rasuah.



• **Pencapaian MACA Di Persada Antarabangsa Dan Tempatan**

HUBUNGAN MACA - UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP)

United Nations Development Programme Malaysia (UNDP) dan MACA telah bekerjasama dalam inisiatif untuk memperkuatkan kefahaman dan kapasiti teknikal pegawai-pegawai penguatkuasaan agensi Pencegahan Rasuah dari 57 buah negara anggota Organization of The Islamic Conference (OIC) melalui satu projek yang bernama "*Strengthening the Institutional Capacity of Anti-Corruption Agencies from The Organization of The Islamic Conference (OIC) countries to ensure an efficient public delivery system*".

Projek ini telah bermula pada Julai 2010 dan akan berlangsung sehingga Jun 2011. MACA meletakkan inisiatif merealisasikan projek ini sebagai suatu perkembangan yang positif seiring dengan peranannya sebagai pusat latihan Pencegahan Rasuah di rantau Asia Pasifik. Inisiatif ini membuktikan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh MACA dalam mengukuhkan latihan Pencegahan Rasuah, bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa. Sehingga akhir tahun 2010, projek ini dalam peringkat perlaksanaan kajian keperluan latihan bagi tujuan membangunkan modul latihan yang relevan untuk para peserta dengan kerjasama negara-negara keanggotaan Arab Anti-Corruption and Integrity Network (ACINET).

HUBUNGAN DUA HALA MACA DAN INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION ACADEMY (IACA), AUSTRIA

Pada 30 Julai 2010, MACA telah menandatangani satu Surat Niat (*Letter of Intent*) dengan IACA, Austria. Antara objektif persefahaman tersebut adalah:-

- a. Menyelaraskan aktiviti latihan dalam Pencegahan Rasuah antara kedua-dua organisasi serta membina hubungan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa yang lain;

- b. Mempertingkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berlandaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme, selaras dengan Aspirasi SPRM 2010; dan
- c. Menjadikan MACA sebuah pusat latihan yang bertaraf antarabangsa. Setakat ini tumpuan MACA hanya di rantau Asia Pasifik. Dengan termeterainya persefahaman ini adalah diharapkan bahawa ianya boleh membuktikan kemampuan dan keupayaan MACA dalam bidang latihan ke tahap yang lebih tinggi.

Bidang tumpuan kursus adalah pembangunan kapasiti dalam pencegahan rasuah dengan memfokuskan kepada amalan-amalan terbaik dan tadbir urus yang berjaya dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) SPRM & HELP UNIVERSITY COLLEGE (HELP)

Pada 10 Ogos 2010, SPRM telah menandatangani satu Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan HELP University College (HELP). Melalui MoU ini, SPRM akan:-

- a. Bekerjasama dalam penyelidikan dan penerbitan mengenai rasuah dan isu-isu pembangunan sosio-ekonomi serta amalan tadbir urus baik dalam perniagaan;
- b. Mewujudkan kerjasama yang berterusan dalam aspek program latihan akademik melalui Program Sarjana Sains Dalam Pengurusan Jenayah Ekonomi dan SPRM akan berkongsi pengalaman dengan memberi khidmat sokongan akademik dalam pengendalian program berkenaan; dan
- c. HELP akan menyediakan biasiswa kepada lima orang pegawai SPRM setiap tahun untuk mengikuti program akademik di HELP.

MoU ini merupakan salah satu pendekatan untuk melahirkan lebih ramai pegawai SPRM yang bertauliah serta berilmiah.



**Majlis menandatangani
Surat Niat MACA dengan IACA
dan SPRM dengan ICAC Hong Kong.**

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU) UKM/SPRM BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA SOSIAL – PENGAJIAN RASUAH SESI 2010-2011

Pada 19 November 2010, SPRM telah menandatangani satu Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Melalui MoU tersebut UKM menawarkan pengajian Sarjana Sosial-Pengajian Rasuah Sesi 2010-2011. Matlamat utama program pengajian ini adalah:-

- a. Melahirkan graduan yang berintelektual tinggi serta berkemampuan menilai isu semasa mengenai jenayah rasuah di peringkat domestik serta global; dan
- b. Mengembangkan minda mereka agar menjadi lebih analitikal dengan keadaan dunia di mana usaha pencegahan jenayah rasuah semakin mencabar.

Kumpulan pertama bagi program yang sama telah berjaya melahirkan seramai lima orang graduan pegawai SPRM yang telah dikurniakan Ijazah Sarjana pada Majlis Konvokesyen UKM ke-38 pada bulan Ogos 2010.

PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)

Program ini dilaksanakan berikutan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) pada 18 Ogos 2008 yang memutuskan bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) menempatkan seorang pegawai kanan BPR sebagai Ketua Pegawai Integriti (*Chief Integrity Officer*) secara kader di Kementerian, Jabatan serta Agensi-agensi yang berisiko tinggi terdedah kepada jenayah dan perlakuan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan kelemahan pentadbiran. Program Latihan Perintis CeIO, anjuran Pusat Pembangunan Integriti dan Korporat (CIDC), MACA, mula dilaksanakan pada 2 Ogos 2010. Program ini dijalankan secara separa masa bagi tempoh enam bulan dan berikut merupakan empat modul utama yang menjadi teras sukanan pembelajaran dalam program CeIO ini:-

- a. Modul Pengenalan Integriti;
- b. Modul Penguatkuasaan Undang-Undang/Pekeliling/Peraturan/Arahan;
- c. Modul Pematuhan dan Pemantauan; dan
- d. Modul Pembentukan Pelan Integriti.

Sejumlah 27 orang pegawai yang terdiri daripada lima orang pegawai SPRM Gred 44 - 48 ke atas dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Insolvensi Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Audit Negara, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Institut Integriti Malaysia (IIM), PUSPAKOM, Amanah Raya Berhad (ARB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan PETRONAS telah mengikuti program perintis ini di MACA.

Bermula Januari 2011 program ini akan dilaksanakan sepenuhnya yang mengambil masa selama enam bulan dan dijalankan separa masa. Secara umumnya CeIO adalah berperanan untuk memastikan usaha-usaha pemantapan integriti dalam organisasi dilaksanakan selaras dengan hasrat Kerajaan. Tanggungjawab secara khusus pula ialah:-

- i. Menyelaras dan memantau program integriti;
- ii. Melaporkan sebarang pelanggaran integriti;
- iii. Menyelaras tindakan ke atas pelanggaran integriti;
- iv. Melaksanakan program pemulihan integriti;
- v. Penghasilan artikel-artikel berkaitan dengan integriti;
- vi. Membantu dan menyokong urusetia Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU);
- vii. Menasihati pengurusan dalam aspek integriti;
- viii. Memantau sistem penyampaian perkhidmatan;
- ix. Bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Organisasi kepada Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), MACA; dan
- x. Memastikan pematuhan kepada arahan/peraturan organisasi.

PROGRAM USAHASAMA DENGAN TRANSPARENCY INTERNATIONAL (MALAYSIA)

a. Bengkel “*Risk Mapping and Anti-Corruption Tools*” dalam Industri Pembalakan

Pada 29 April 2010, Transparency International (Malaysia) bersama MACA telah menganjurkan “*Workshop on Risk Mapping and Anti-Corruption Tools*” di MACA. Objektif bengkel ini adalah untuk mewujudkan usahasama bagi menangani gejala rasuah dalam industri pembalakan. Bengkel ini telah dihadiri oleh peserta-peserta tempatan dari sektor awam, swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLCs). Dalam bengkel berkenaan, peserta-peserta telah didedahkan kepada “*Anti-Corruption Tools*” bagi menangani masalah rasuah dalam industri perhutanan dari peringkat pengeluaran sehingga pengeksportan hasil kayu balak.

b. Bengkel “*Forest Governance Integrity (FGI)*”

